

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2025

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

KETUA PTJ :

JANUDIN BIN SARDI @ HJ. MOHD YUSOP

KETUA UNIT KUALITI :

SUZANA BT HAMZAH

PENYELARAS :

SRI QAMARIAH BINTI MOHD SAMSIR

PENULIS :

1. SRI QAMARIAH BINTI MOHD SAMSIR
2. SALIZA BINTI ISMAIL
3. SALIZA BINTI ISMAIL
4. LEE AI CHAT
5. SITI SALEHA BINTI SANUSI
6. SHABINA KUMARI A/P SUBRAMANIAM
7. NURUL HIDAYU BINTI SHAFIE

8. MIDIYANA BT MOHAMAD
9. HASLINA BINTI DAUD
10. AHMAD ASNAWI BIN ZAMRI
11. NURUL SYAFIEQAH BINTI JAAFAR
12. AFINA NAZIRA BINTI AFNIZUL
13. MUHAMMAD SYAFFIQ BIN MOHAMMED RAFFI
14. FARIZ AZZUAN BIN AMAT SUPARIA
15. NUR HIDAYAH BINTI YAHAYA
16. AMIRAH BINTI AHMAD
17. NORITA BINTI HARIJAMAN
18. NURHILLENY BINTI ROSLY
19. ZULAIKHA BINTI KHAIRUDDIN
20. SUZANA BT HAMZAH
21. NORHARTINI BINTI ARIPIIN
22. NURBAYA BINTI MOHAMAD ARIS
23. MOHD FAIZ BIN ZAINAL ABIDIN
24. AMIR LUKMAN BIN ABD RAHMAN
25. CHAN JIE YAN
26. HUSNA BINTI ABDUL AHAD
27. SHARIFAH NADIA BINTI SYED NASHARUDIN
28. MARYAM BINTI AZIZAN
29. MUHAMMAD LUTHFI BIN MOHAINI

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Kanan APB TELAH merangka beberapa **PERANCANGAN** berkaitan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar dengan memformulasikan Perancangan Strategik (PS) yang dibangunkan berdasarkan sasaran Petunjuk Prestasi (PI) dan didokumentasikan dalam dokumen Perancangan strategik APB. Perancangan ini dirangka bagi mencapai aspirasi UiTM untuk menjadi 'Universiti Terkemuka Dunia' menjelang 2025 serta memenuhi hasrat negara mencapai objektif 'Wawasan Kemakmuran Bersama 2030'. Garis panduan yang diguna pakai dalam merangka Perancangan Strategik adalah berdasarkan Falsafah Pendidikan kebangsaan, *Malaysia Higher Education Blueprint 2015-2025*, Rancangan Malaysia ke-12 (2021 - 2025), Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), Pelan Perancangan Strategik Bahagian Hal Ehwal pelajar 2020-2025 dan Manual Pengurusan Aktiviti Pelajar Universiti Teknologi MARA.

Hasil daripada perancangan tersebut, Pengurusan Kanan APB telah **MELAKSANAKAN** aktiviti-aktiviti yang dirancang dengan menetapkan tiga (3) PS utama bagi memenuhi sasaran petunjuk prestasi Bidang Tumpuan (BT) iaitu i) Tanggungjawab Sosial dan Komuniti, ii) Student Care and Connect Initiatives, dan iii) Shaping Future APB Takents. Antara aktiviti yang terkait dengan BT ialah SULAM: A Bridge Between Two Worlds, Career Talk: Professional Insight For Future Endeavours, IYM CAMP: Inspire Young Minds dan banyak lagi. Aktiviti-aktiviti tersebut bertujuan untuk memperkasa para pelajar. Penetapan PS HEP APB dibuat melalui Sesi Mesyuarat Akademik dan Townhall serta disebar luas di laman sesawang rasmi APB, hebahan melalui kumpulan *WhatsApp* warga APB serta dimuat naik di media sosial rasmi APB.

Pengurusan Kanan APB telah mengambil pendekatan menyeluruh dengan melaksanakan **PEMANTAUAN** secara berkala terhadap PS yang telah dirangka dan dirancang. Langkah ini melibatkan pelaporan daripada Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Penyelaras HEP yang telah dilantik. Pengurusan Kanan APB turut berkongsi maklumat mengenai pencapaian PI APB kepada staf yang terlibat dalam bengkel Perancangan Strategik 2024. Pemantauan turut dibuat terhadap kertas kerja program dan kertas kerja aktiviti BT sehinggalah kepada pelaporan akhir laporan pascanilai (post-mortem) BT. Selain itu, pemantauan pengurusan dan pembangunan pelajar juga dilaksanakan melalui Mesyuarat Pengurusan secara berkala bagi memantau perkembangan pengurusan dan pembangunan pelajar di APB. Segala perkara berbangkit yang memerlukan tindakan segera akan dibincangkan dan diminitkan. Pemantauan juga dibuat melalui Mesyuarat Tabung Amanah Fakulti bagi memastikan setiap perancangan program dan aktiviti dapat dijalankan dengan kos yang telah dipersetujui. Pada masa yang sama, semua program dan aktiviti pelajar yang telah dijalankan turut diterbitkan dalam Buletin APB. Penerbitan **Buletin APB** iaitu **Lingua Phoria** menjadi kaedah yang ampuh dalam aktiviti pemantauan oleh Pengurusan Kanan APB.

Langkah **PENAMBAHBAIKAN** telah dilaksanakan oleh Pengurusan Kanan APB berdasarkan hasil analisis maklumat pemantauan yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan APB dan diperincikan dalam Bengkel Perancangan Strategik 2024. Pasukan Bahagian Hal Ehwal Pelajar mengambil langkah penambahbaikan berdasarkan perbincangan bersama Pengurusan Kanan APB seterusnya membina strategi bagi mencapai objektif dan inisiatif APB. Semakan berkala terhadap objektif dan inisiatif HEP adalah bertujuan agar setiap PS dapat disemak dan ditambah baik selaras dengan hala tuju universiti. Penambahbaikan yang berterusan ini adalah bagi memastikan setiap objektif dan inisiatif atau PS yang telah disasarkan tercapai, diimplementasi dan direalisasikan dengan berkesan. Selain itu, bengkel khas bersama pelajar APB juga dibuat bagi memastikan setiap pelajar yang terlibat memahami dengan jelas aspirasi APB dan universiti.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan APB telah mengamalkan kaedah yang berikut untuk menggerakkan bidang tumpuan yang dipilih.

Perancangan yang sistematik telah dibuat oleh pihak pengurusan pada setiap tahun bagi memastikan pembangunan pelajar yang efektif dan cemerlang. Sebelum perancangan dibuat, Pengurusan Kanan terlebih dahulu merujuk dan mengambil kira hala tuju dan garis panduan yang telah ditetapkan di peringkat kebangsaan, kementerian dan global. Ini adalah untuk memastikan hala tuju APB sejajar dengan hala tuju kebangsaan iaitu **Falsafah Pendidikan Kebangsaan** dan **Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021 - 2025**, hala tuju kementerian iaitu **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025** atau Malaysian Education Blueprint 2013-2025 dan juga hala tuju pendidikan di peringkat global iaitu **Sustainable Development Goals (SDG)** yang memfokuskan kepada **SDG 4 - Quality Education** (Bukti 1.2a).

Berdasarkan kepada hala tuju dan garis panduan di atas, Pengurusan Kanan APB telah melaksanakan satu **Bengkel Khas Perancangan Strategik 2024** (Bukti 1.2b) yang melibatkan Pengurusan Kanan dan staf APB bagi merencanakan perancangan APB pada tahun 2024. Bengkel ini diadakan untuk membuat perbincangan serta berkongsi idea dan pendapat dalam merangka perancangan. Menerusi bengkel ini, Pengurusan Kanan HEP APB telah berkongsi maklumat mengenai **Indeks Pencapaian atau Performance Index (PI) oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) UiTM** (Bukti 1.2c) kepada staf yang terlibat. PI oleh BTU UiTM ini **menjadi dasar penilaian** yang digunakan oleh APB untuk menilai prestasi APB pada setiap tahun. Justeru, perbincangan Bengkel Perancangan Strategik ini menjurus kepada perancangan yang boleh dibuat bagi memantapkan pembangunan pelajar-pelajar APB pada tahun 2024 dalam aspek **Tanggungjawab Sosial dan Komuniti, Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar (Student Care and Connect Initiative)** dan pembangunan dan kemajuan pelajar (**Shaping Future APB Talents**).

Dalam merancang pelan pembangunan pelajar, Pengurusan Kanan APB menjadikan **Pelan Perancangan Strategik Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM 2020 - 2025** dan **Manual Pengurusan Aktiviti Pelajar UiTM** (Bukti 1.2d) sebagai rujukan. Berdasarkan kepada perancangan strategik 2024, dan dua sumber rujukan di atas, Pengurusan Kanan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) APB menetapkan **Objektif Khusus BHEP APB** (Bukti 1.2e) yang perlu dicapai oleh APB pada tahun 2024 sebagai **satu pelan inovasi** untuk mencapai PI yang telah ditetapkan oleh pihak BTU UiTM. Dengan adanya objektif khusus ini, BHEP dapat menggerakkan usaha pembangunan pelajar dengan lebih tersusun dan sistematik.

Kesimpulannya, Pengurusan Kanan BHEP APB telah membuat pendekatan melalui perancangan yang khusus dan **sistematik** bagi tahun 2024 untuk pembangunan pelajar dalam aspek **Tanggungjawab Sosial dan Komuniti, Student Care and Connect Initiative, dan Shaping Future APB Talents**. Bagi memastikan perancangan BHEP berjalan selari dan menyumbang kepada Indeks Pencapaian BTU UiTM, BHEP APB telah membuat penambahbaikan dengan melancarkan satu pelan **inovasi** (Objektif Khusus BHEP APB). Pendekatan ini berjaya membantu BHEP APB untuk membentuk dan menghasilkan pelajar yang cemerlang bukan sahaja di peringkat kebangsaan, tetapi juga di peringkat globali.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_K01_KB02_20251_F0048_K01_KB02_20241_APB_1.2a_kepimpinan.pdf](#)
2. [F0048_K01_KB02_20252_1.2b_LAPORAN PERANCANGAN STRATEGIK 2024.pdf](#)
3. [F0048_K01_KB02_20253_1.2c_PI HEP AKADEMI PENGAJIAN BAHASA TAHUN 2024.pdf](#)
4. [F0048_K01_KB02_20254_F0048_K01_KB02_20242_APB_1.2d_kepimpinan.pdf](#)
5. [F0048_K01_KB02_20255_1.2e_OBJEKTIF KHUSUS BHEP APB 2024.pdf](#)
6. [F0048_K01_KB02_20251_F0048_K01_KB02_20241_APB_1.2a_kepimpinan.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Khidmat kepimpinan bergantung kepada keberkesanan pemimpin utama dan pasukannya dalam pelaksanaan tugas untuk mencapai matlamat. Di APB, Pengurusan Kanan telah melaksanakan pelan-pelan tindakan berkaitan BT melalui **Jawatankuasa BHEP** (Bukti 1.3a). Terdapat tiga kumpulan utama di bawah jabatan BHEP iaitu Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Keusahawanan Pelajar, dan Pejabat Pentadbiran HEP. Terdapat empat seksyen khusus di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Bahagian Keusahawanan Pelajar, di mana seorang koordinator dipertanggungjawabkan untuk mengetuai dua bahagian ini dan dibantu oleh penyelar-senyelar bagi setiap seksyen yang akan membantu menggerakkan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang. Bahagian ketiga iaitu Pejabat Pentadbiran HEP dianggotai oleh seorang pegawai eksekutif dan kerani, yang bertanggungjawab dalam aspek dokumentasi dan pentadbiran HEP.

Sepanjang tahun 2024, Pengurusan Kanan APB berjaya menyediakan peluang kepada pelajar untuk mengembangkan kemahiran dan pengalaman mereka dalam tiga Bidang Tumpuan yang ditetapkan (Tanggungjawab Sosial dan Komuniti, Student Care and Connect Initiatives, dan Shaping Future APB Talents). Antara program-program yang berjaya dilaksanakan melalui BHEP APB adalah **Gerobok Rezeki APB, Jom Peka, IYM Camp: Inspire Young Minds, Career Talk-Professional Insight for Future Endeavours dan Mahabbah Ramadhan APB 2024** (Bukti 1.3b). Program-program ini telah menjayakan aspirasi APB dari segi pembangunan pelajar. Ini kerana peluang yang diwujudkan membantu mereka melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang meningkatkan keyakinan diri dan menyediakan mereka ke arah kerjaya masa hadapan. Di samping itu, BHEP APB tidak melupakan tanggungjawab sosial yang harus diterapkan dalam kalangan pelajar supaya mereka lebih cakna dengan pelbagai komuniti di Malaysia. Pada masa yang sama, BHEP APB juga mengambil berat akan kebajikan pelajar dan memastikan pelajar APB terjaga secara emosi, jasmani, dan rohani melalui suasana pembelajaran yang kondusif.

Bagi memastikan program dan aktiviti yang telah dirancang berjalan dengan lancar, selain daripada perancangan sistematik yang dibuat, kerjasama para pensyarah untuk menjayakan segala inisiatif juga adalah sangat penting. Oleh itu, segala perancangan BHEP telah dikongsi dalam **Mesyuarat Staf Akademik** yang diadakan bersama semua staf APB sebanyak dua kali setahun, iaitu sebelum semester baru bermula. Pada tahun 2024, Mesyuarat Staf Akademik APB telah diadakan pada 22 Mac dan 4 Oktober (Bukti 1.3c). Mesyuarat akademik mendorong kerjasama antara Pengurusan Kanan dan staf akademik APB untuk menjayakan program-program APB yang telah direncanakan. Dalam mesyuarat ini, selain daripada pemakluman hal ehwal akademik, Pengurusan Kanan BHEP menyampaikan pelan-pelan yang dirancang kepada staf dengan jelas untuk pelaksanaan dan pencapaian objektif-objektif yang telah ditetapkan.

Selain daripada perluasan kepada staf APB, Pengurusan Kanan BHEP juga telah melakukan perluasan kepada para pelajar APB. Pelaksanaan Perancangan Strategik APB telah dijalankan melalui perjumpaan bersama para pelajar APB, iaitu **Program Pemantapan Destini Siswa** (Bukti 1.3d). Program ini membantu BHEP untuk menyampaikan dan menjelaskan kepada pelajar perkara-perkara penting yang perlu mereka ketahui sebagai pelajar APB UiTM. Program ini juga adalah medium bagi Pengurusan Kanan BHEP untuk berkongsi maklumat mengenai program-program yang melibatkan pelajar bagi tahun 2024. Dengan adanya perluasan kepada ahli jawatankuasa BHEP, staf akademik dan bukan akademik, dan pelajar APB, Pengurusan Kanan BHEP telah berjaya memastikan APB dapat membentuk pembangunan pelajar APB dengan kaedah yang sistematik dan efektif.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_K01_KB03_20252_1.3b_PROGRAM_PELAJAR_APB_2024.pdf](#)
2. [F0048_K01_KB03_20252_1.3b_PROGRAM_PELAJAR_APB_2024.pdf](#)
3. [F0048_K01_KB03_20253_1.3c_MESYUARAT_STAF_AKADEMIK_2024.pdf](#)
4. [F0048_K01_KB03_20254_1.3d_PROGRAM_PEMANTAPAN_DESTINI_SISWA_2024.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi tujuan pemantauan, Pengurusan Kanan APB TELAH melaksanakan beberapa kaedah untuk memastikan Perancangan Strategik APB 2024 dijalankan dengan berkesan dan bermakna.

Pertama sekali, Pengurusan Kanan APB telah berkongsi maklumat mengenai pencapaian PI APB pada tahun 2023 kepada staf yang terlibat dalam **Bengkel Perancangan Strategik 2024**. Perkongsian maklumat ini diberikan supaya semua pihak peka dengan pencapaian APB dari semasa ke semasa, seterusnya membuat plan bagi menambah baik pencapaian APB pada tahun 2024 (Bukti 1.4.1a). Seterusnya, pihak pengurusan APB juga menjalankan **Mesyuarat Pengurusan secara berkala** bagi memantau perkembangan pengurusan dan pembangunan pelajar di APB. Menerusi mesyuarat ini, Pengurusan Kanan membincangkan perkara-perkara berbangkit yang perlu diselesaikan dan segala perbincangan dan penyelesaian ini telah diminitkan (Bukti 1.4.1b).

Selain itu, pemantauan pengurusan dan pembangunan pelajar juga dilaksanakan melalui **Mesyuarat Tabung Amanah Fakulti secara berkala** (Bukti 1.4.1c). Melalui mesyuarat ini, Pengurusan Kanan APB membincangkan segala kertas kerja program dan aktiviti yang telah dicadangkan oleh staf APB untuk dilaksanakan. Perbincangan kertas kerja program dan aktiviti ini membantu Pengurusan Kanan untuk memantau sama ada pelaksanaan Perancangan Strategik APB 2024 berjalan dengan sejajar atau tidak.

Berdasarkan pemantauan yang telah dijalankan, Pengurusan Kanan BHEP telah menganalisis segala program dan aktiviti pengurusan dan pembangunan pelajar melalui **laporan-laporan program** (Bukti 1.4.1d). Laporan-laporan yang disediakan oleh pihak yang terlibat mengandungi perincian laporan pascanilai (post-mortem) yang memberi input berguna kepada Pengurusan Kanan APB. Melalui laporan pascanilai ini, Pengurusan Kanan mampu mengambil langkah yang dapat menambah baik program-program yang akan dijalankan pada masa hadapan.

Selain itu, **Sesi Townhall Bersama Dekan** adalah satu medium penting untuk Pengurusan Kanan APB berinteraksi dengan staf secara langsung bagi tujuan pemantauan. Sesi ini bukan sahaja memberi peluang untuk pertukaran idea atau pandangan tetapi juga untuk mempercepatkan proses penyelesaian masalah kerana boleh dibincang dan diatasi dengan segera. Pada tahun 2024, Townhall telah dilaksanakan pada 22 Feb 2024 (Khamis) di Auditorium APB (Bukti 1.4.3c). Dalam sesi ini, Dekan telah berkongsi pencapaian dan perkembangan terkini, dasar baharu dan perubahan dalam fakulti. Impak Townhall adalah kejayaan Pengurusan Kanan APB kerana staf menghargai keterbukaan dan ketelusan organisasi.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_K01_KB04_KC01_20251_1.4.1a_PERANCANGAN STRATEGIK BHEP 2024.pdf](#)
2. [F0048_K01_KB04_KC01_20252_1.4.1b_MESYUARAT PENGURUSAN APB 2024.pdf](#)
3. [F0048_K01_KB04_KC01_20253_1.4.1c_MESYUARAT TABUNG AMANAH FAKULTI 2024.pdf](#)
4. [F0048_K01_KB04_KC01_20254_1.4.1d_LAPORAN PROGRAM PELAJAR APB 2024.pdf](#)
5. [F0048_K01_KB04_KC01_20255_1.4.1e_TOWNHALL BERSAMA DEKAN 2024.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Laporan eRMS (Bukti 1.4.2a) adalah bukti di mana pihak Pengurusan APB memastikan isu-isu berkaitan keterlibatan pelajar seperti **keselamatan** di beri perhatian dan sebarang risiko boleh dikurangkan (Bukti 1.4.2a). Antara isu yang dipaparkan dalam laporan eRMS adalah **keselamatan mobiliti pelajar semasa menjalankan program mobiliti atau semasa menjalani latihan industri. Pemantauan berkala** adalah kawalan sedia ada untuk memastikan keselamatan pelajar yang terlibat. Strategi mengawal risiko yang lebih berkesan seperti **memberi taklimat keselamatan, memantau prestasi pelajar dan mengadakan lawatan ke tempat latihan industri** adalah antara usaha pengurusan untuk mengurangkan risiko. Selain itu, keselamatan bangunan APB juga turut diberi perhatian untuk mengelakkan sebarang risiko yang tinggi. Pihak Pengurusan APB telah bertindak melalui **inisiatif mengedarkan borang soal selidik untuk mengetahui tahap keupayaan pelajar** mengenai bangunan APB. Tambahan lagi, pihak pengurusan telah **berbincang bersama pengurusan eksekutif berkenaan peruntukan dana untuk fasiliti pelajar di peringkat fakulti**.

Operasi APB juga terdedah kepada **risiko kesejahteraan mental pelajar**. Antara program APB yang membantu memperkasa pengurusan emosi dalam kalangan pelajar adalah program 'JOM PEKA' (Bukti 1.4.2b). Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan supaya pelajar lebih peka dengan masalah yang dihadapi oleh diri dan rakan-rakan lain. Program ini membantu pelajar menyelesaikan masalah bersama pelajar lain melalui pertukaran idea serta **mempertingkatkan keupayaan dalam menguruskan emosi diri**.

Dalam memastikan pembangunan pelajar, APB bertanggungjawab untuk mendedahkan pelajar kepada **kegiatan kesukarelawan**. Antara risiko yang berkaitan adalah pelajar tidak melibatkan diri dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan kerana keterbatasan kemahiran insaniah dan kurang nilai empati dan prihatin dalam kalangan pelajar. Oleh yang demikian, **program-program APB** seperti **SULAM:A BRIDAGE BETWEEN TWO WORLDS** (Bukti 1.4.2c) dan **IYM CAMP: INSPIRE YOUNG MINDS** (Bukti.4.2d) memainkan peranan penting dalam memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan pelajar. Program SULAM bukan sahaja telah **memupuk semangat kesukarelawan di peringkat antarabangsa** tetapi juga memberi peluang berkolaborasi dengan industri luar dan menambah ilmu tentang budaya, bahasa dan sejarah. Manakala, Projek IYM CAMP telah mendedahkan pelajar untuk terlibat secara langsung dalam aktiviti kesukarelawan di sekolah dan **menyumbang kepada pembangunan komuniti**.

Kesimpulannya, Pengurusan Kanan BHEP APB sentiasa peka terhadap risiko yang berkaitan dengan keterlibatan pelajar dan usaha-usaha yang diambil memberi manfaat untuk pembangunan pelajar dari segala segi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_K01_KB04_KC02_20251_Bukti 1.4.2a_Laporan eRMS 2024.pdf](#)
2. [F0048_K01_KB04_KC02_20252_Bukti 1.4.2b_KERTAS KERJA JOM PEKA.pdf](#)
3. [F0048_K01_KB04_KC02_20253_Bukti 1.4.2c_LAPORAN PROGRAM SULAM LOMBOK.pdf](#)
4. [F0048_K01_KB04_KC02_20254_Bukti 1.4.2d_LAPORAN IYMCAMP.pdf](#)
- 5.

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi membuat penambahbaikan terhadap pengurusan dan pembangunan pelajar pada tahun 2024, Pengurusan Kanan APB telah **mengumpul maklumat** tahun sebelumnya dan **menganalisis maklumat-maklumat** berkaitan (contohnya pencapaian PI APB) dalam **Bengkel Perancangan Strategik APB**. Segala hasil dan analisis yang dilakukan telah dicatat dan direkodkan dalam Perancangan Strategik APB 2024 (Bukti 1.4.3a). Perancangan ini kemudiannya dikongsi kepada staf yang bertanggungjawab supaya rujukan boleh dilakukan oleh semua pihak dari semasa ke semasa dan memastikan pencapaian APB adalah selari dengan perancangan yang telah dilakukan oleh pihak pengurusan.

Melalui hasil analisis maklumat yang telah dijalankan, Pengurusan Kanan APB berjaya menghasilkan satu inisiatif yang dapat memantapkan lagi pengurusan dan pembangunan pelajar di APB. **Inisiatif** ini yang dinamakan sebagai **11 Strategi Perancangan dan Pelaksanaan HEP APB** (Bukti 1.4.3b) menjadi rujukan utama warga APB untuk menjalankan program dan mencapai PI yang telah ditetapkan dengan **efisien dan efektif**. Dengan adanya inisiatif ini, segala usaha dan titik peluh warga APB dalam melaksanakan program selari dengan Perancangan Strategik APB dan juga Pelan Perancangan Strategik HEP UiTM.

Bagi memastikan semua pihak terutamanya pelajar APB memahami objektif dan aspirasi yang ingin dicapai APB, Pengurusan Kanan APB telah melaksanakan satu **bengkel khas bersama pelajar APB** yang dinamakan sebagai **Bengkel Perancangan Strategik Aktiviti pelajar 2024 dan Kursus Pengurusan Organisasi APB** (Bukti 1.4.3c) yang bertempat di Institut Kepemimpinan dan Pembangunan (ILD) Perak. Bengkel ini merupakan **satu penambahbaikan yang telah dijalankan** oleh Pengurusan Kanan APB yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai perancangan APB. Dengan adanya pendedahan ini, para pelajar dapat merencanakan program bermanfaat yang selari dengan Perancangan Strategik APB 2024. Berdasarkan bengkel yang diadakan bersama pelajar ini, Pengurusan Kanan APB telah berjaya menghasilkan satu senarai **PI dan Program/Projek 2024** (Bukti 1.4.3d).

Melalui tindakan hasil analisis yang dijalankan di peringkat pentadbiran dan peringkat pelajar, Pengurusan Kanan telah mengumpul segala data dan maklumat berkaitan pengurusan dan pembangunan pelajar bagi tujuan analisis pencapaian. **Hasil analisis pencapaian ini kemudiannya dikongsi** oleh Pengurusan Kanan APB kepada warga APB menerusi sesi **Townhall bersama Dekan**. Pencapaian APB telah dibentangkan (Bukti 1.4.3e) kepada warga APB supaya seluruh warga dapat mengetahui tahap pencapaian APB.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_K01_KB04_KC03_20251_1.4.3a.pdf](#)
2. [F0048_K01_KB04_KC03_20252_1.4.3b.pdf](#)
3. [F0048_K01_KB04_KC03_20253_1.4.3c.pdf](#)
4. [F0048_K01_KB04_KC03_20254_1.4.3d.pdf](#)
5. [F0048_K01_KB04_KC03_20255_1.4.3e.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Kanan APB berjaya membudayakan matlamat dan inisiatif melalui hebahan yang berkesan kepada semua warga APB melalui sosial media. Antara medium yang digunakan untuk hebahan maklumat adalah **Instagram, Facebook dan WhatsApp**. Dengan wujudnya **APB SOSIAL RASMI (WhatsApp), apbrasmi (Instagram) dan APB HEP (Facebook)**, Pengurusan Kanan APB dengan mudah menyebarkan mesej untuk penyertaan dan sokongan daripada warga APB (Bukti 1.5.1). Penghantaran mesej pemakluman program-program yang akan berlangsung atau perkongsian gambar-gambar program yang telah dilaksanakan memudahkan warga APB sama ada staf atau para pelajar untuk mengikuti perkembangan semasa APB. Ini membuktikan kesungguhan Pengurusan Kanan APB dalam menggalakkan keterlibatan semua warga APB dalam aktiviti-aktiviti yang diadakan.

Pada masa yang sama, buletin APB yang dikenali sebagai **Lingua Phoria** memainkan peranan penting bagi membuktikan kecemerlangan Pengurusan Kanan APB dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan BT (Bukti 1.5.2a). **Lingua Phoria Edisi ke-4, Edisi 5 dan Edisi 6** telah berjaya dimuat naik dalam **laman sesawang APB pada tahun 2024**. Kandungan buletin mengutamakan penyampaian maklumat dan peningkatan imej organisasi bukan sahaja pada warga UiTM tetapi juga masyarakat umum. Keberkesanan Pengurusan Kanan APB terbukti apabila penglibatan dan pencapaian warga APB mahupun UiTM diberi pengiktirafan dengan memaparkan tanggungjawab dan sokongan mereka terhadap matlamat organisasi melalui perkongsian dalam buletin tersebut (Bukti 1.5.2b).

Selain itu, Kecemerlangan Pengurusan Kanan APB terbukti dengan pencapaian cemerlang staf dan pelajar. Seramai 22 orang staf APB menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2024 (Bukti 1.5.3). Bagi pelajar APB, Majlis Anugerah Dekan adalah antara pengiktirafan yang dinanti-nantikan oleh warga APB. Majlis Anugerah Dekan dan Anugerah Tokoh Siswa (Oktober 2023 - Februari 2024) berjaya dianjurkan oleh SMFAPB pada 16 Mei 2024. Seramai 406 pelajar telah berjaya mencapai prestasi cemerlang (Bukti 1.5.3). Pemberian anugerah adalah amalan terbaik bagi mempromosikan budaya positif organisasi. Pengiktirafan rasmi Pengurusan Kanan APB kepada warga membuktikan usaha pengurusan untuk menghargai kecemerlangan mereka.

Selain itu, **APB telah dianugerahkan Anugerah Kecemerlangan Perkhidmatan Pengurusan LNPT Terbaik Kategori Fakulti/Pusat Akademi dan Sijil Penghargaan Libat Urus Pelaksanaan SSPA** (Bukti 1.5.4). Pencapaian ini amat bermakna kerana ia mencerminkan kecemerlangan Pengurusan Kanan APB dalam membudayakan objektif dan inisiatif berkaitan BT. Kejayaan ini adalah hasil daripada kerja berpasukan dan sokongan mantap daripada semua warga UiTM.

Kesimpulannya, berdasarkan huraian dan bukti-bukti yang telah dilampirkan jelas Pnegurusan kanan APB mencapai objektif BT dengan berkesan iaitu untuk pembangunan warga APB melalui Kepimpinan, Akademik dan Pengantarabangsaan, Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar, Tanggungjawab Sosial dan Komuniti serta Kemahiran Insaniah.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_K01_KB05_20251_1.5.1.pdf](#)
2. [F0048_K01_KB05_20252_1.5.2a.pdf](#)
3. [F0048_K01_KB05_20253_1.5.2b.pdf](#)
4. [F0048_K01_KB05_20254_1.5.3.pdf](#)
5. [F0048_K01_KB05_20255_1.5.4.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

PERANCANGAN (PLAN): Akademi Pengajian Bahasa (APB) telah mereka bentuk pelan perancangan strategik yang selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) serta Pelan Strategik UiTM, dengan fokus utama pada teras pendidikan berkualiti. Dalam usaha memastikan perancangan ini seiring dengan matlamat universiti, proses pembangunan perancangan strategik APB dimulakan dengan **merujuk dan memegang teguh kepada Visi, Misi, dan Falsafah UiTM serta Visi dan Misi APB**. Langkah ini diambil untuk memastikan setiap perancangan yang digariskan memenuhi dasar yang telah ditetapkan oleh universiti dan APB.

PELAKSANAAN (DO): Pada tahun 2024, sebanyak **66 PI telah diberikan kepada APB, dengan sepuluh daripadanya merupakan PI di bawah bidang tumpuan Hal Ehwal Pelajar APB**. Untuk memastikan pemetaan tepat, PI ini telah dibahagikan mengikut enam teras utama yang sejajar dengan peranan Pengarah Peneraju: (1) Teras Pembelajaran dan Pengajaran, (2) Teras Hal Ehwal Kepimpinan (Pemeriksaan Mahasiswa), (3) Teras Penyelidikan, Penerbitan, Inovasi dan Pengkomersialan, (4) Teras Jaringan Industri, Komuniti & Alumni, (5) Teras Keusahawanan dan Penjanaan, dan (6) Teras Pembangunan Bakat (Staf Pentadbiran dan Akademik). Selain itu, terdapat juga Teras Kepimpinan dan Tadbir Urus yang menyokong keseluruhan pengurusan dan membantu mencapai KPI yang telah ditetapkan untuk APB.

Pelan perancangan dan pencapaian PI ini telah dibentangkan di peringkat fakulti kepada ahli pengurusan dan warga APB melalui sesi Townhall dan Amanat Dekan. Dalam konteks bidang tumpuan Hal Ehwal Pelajar di APB, sebanyak 11 Strategi Perancangan dan Pelaksanaan telah disusun semasa Bengkel Perancangan Strategik yang diadakan pada tahun **4 hingga 6 Januari 2024 di ILD Bandar Enstek, Negeri Sembilan**.

PEMANTAUAN (CHECK): Pemantauan amat penting untuk memastikan APB berjaya mencapai PI yang telah ditetapkan oleh Penyelaras Strategik Transformasi Universiti dan usaha untuk menyokong objektif dan inisiatif universiti. Pemantauan mengenai status pelaksanaan dan pencapaian projek dijalankan secara atas talian dan bersemuka di peringkat fakulti. Pengarah Projek akan membentangkan laporan prestasi secara berkala kepada pengurusan tertinggi fakulti. Pada peringkat UiTM, pemantauan dilaksanakan secara berperingkat melalui **sistem UePMO**. Selain itu, APB juga berusaha untuk mengenalpasti risiko setiap inisiatif yang dirancang dalam memastikan setiap prosedur dapat diuruskan dengan baik menerusi pemantauan secara berkala dalam mesyuarat jabatan Hal Ehwal Pelajar. Pengurusan risiko bagi operasi utama APB dikelaskan kepada empat (4) tahap iaitu (1) Tahap Rendah, (2) Tahap Sederhana, dan (3) Tahap Tinggi dan (4) Tahap Kritikal. Pengkelasan tahap ini ditentukan bergantung kepada kemungkinan kejadian yang tidak diingini dengan jangka masa atau keadaan tertentu dan kesan terhadap pelaksanaan operasi tersebut. Beberapa kategori impak risiko telah dikenal pasti bagi bidang tumpuan yang dipilih, iaitu pelaksanaan projek (contohnya masalah pengangkutan) dan risiko kewangan (kesukaran untuk mendapatkan tajaan program).

TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT): Berdasarkan prestasi dan data laporan yang sentiasa dikemas kini, **tindakan penambahbaikan** untuk bidang tumpuan di bawah seliaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar APB dilaksanakan melalui mekanisme perbincangan ketika Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat Fakulti. Maklum balas juga diambil kira daripada staf APB ketika pembentangan prestasi semasa Town Hall Fakulti. Fokus utama dalam mesyuarat ini adalah

untuk mengenai pasti naungan dan risiko untuk PI yang belum mencapai prestasi 100%. Langkah strategik dibentuk untuk memastikan semua PI dalam bidang tumpuan mencapai 100% selari dengan matlamat UiTM2025.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan Strategik APB telah disusun dengan teliti untuk menyelaraskan perubahan dasar dan halatuju UiTM ke arah visi GRU 2025. Berdasarkan UiTM2025 dan PPPM 2015-2025, kerangka perancangan strategik APB dibina untuk merealisasikan matlamat ini, dengan **fokus utama pada pembangunan pelajar** sesuai dengan arus transformasi UiTM2025. Objektif strategik APB secara jelas menekankan inisiatif yang berkisar pada hal ehwal pelajar (**Bukti 2.2a**).

Untuk memastikan pencapaian yang berimpak tinggi, **perancangan strategik APB telah mempertimbangkan bilangan PI, nilai pemberat, dan sasaran yang ditetapkan** dengan cermat. Pada tahun **2024**, sebanyak **66 PI diberi, dengan 13%** daripadanya ditumpukan kepada bidang-bidang strategik yang utama. Untuk menjamin pemetaan PI yang tepat dan berkesan, PI telah dibahagikan kepada lima pemilik utama di APB, iaitu (1) Akademik dan Antarabangsa, (2) Hal Ehwal Pelajar, (3) Pendaftar dan Bendahari, (4) MASMED, dan (5) PJIMA (**Bukti 2.2b**). Pendekatan ini bukan sahaja memastikan bahawa setiap aspek telah dipantau dan diurus dengan berkesan, tetapi juga menunjukkan komitmen yang teguh terhadap kejayaan objektif strategik APB.

Pemetaan perancangan strategik APB telah diperkasakan melalui siri **bengkel berkala yang diadakan sebanyak empat kali sepanjang 2024 (Bukti 2.2c)**. Fasa bengkel ini dimulakan dengan perangkaan, diikuti oleh pemurnian, pemantauan, dan diakhiri dengan pelaporan. Bengkel-bengkel ini dipimpin oleh Dekan sendiri dengan penglibatan penuh daripada kepimpinan kanan, staf akademik, dan staf pentadbiran. Pendekatan ini memastikan semua inisiatif diperhalusi, dipantau, dan disesuaikan untuk penambahbaikan berkala. Analisis risiko serta pelan mitigasi juga telah didaftarkan.

Selepas Bengkel Perancangan Strategik dan penambahbaikan dilaksanakan, **ulasan positif diterima** daripada pihak pengurusan dan staf yang terlibat dalam perancangan tersebut. Hasilnya, **Jabatan Hal Ehwal Pelajar APB (JHEP APB) terus menetapkan 11 strategi yang menjadi teras yang ditandai dengan #APB** dalam mengadakan pelbagai aktiviti untuk mencapai PI yang ditetapkan bagi bidang tumpuan. Kejayaan ini memperkukuhkan lagi komitmen kami terhadap kecemerlangan strategik dan pencapaian objektif organisasi.

Pelaporan penyelesaian dan pencapaian petunjuk strategik APB menunjukkan kejayaan cemerlang dengan **pencapaian matlamat yang ditetapkan sebanyak 100%**. Pada tahun 2024, JHEP APB berjaya menyempurnakan **11 strategi utama** di bawah perancangan strategik APB, yang dirancang berdasarkan **analisis SWOT (Bukti 2.2d)** yang mendalam. Perincian lengkap mengenai **11 strategi utama tersebut diperlihatkan sebagai suatu jenama dalam JHEP APB yang diteruskan daripada tahun sebelumnya seperti Rajah 2.2.1 dan 2.2.2 (Bukti 2.2e)**.

APB telah merancang semua inisiatif dengan strategi serampang dua mata, apabila setiap inisiatif menyasar beberapa petunjuk prestasi utama (PI) secara serentak. Pendekatan ini memastikan APB tidak hanya memenuhi tetapi melebihi matlamat PI yang telah ditetapkan dalam bidang tumpuan. Melalui perancangan strategik yang teliti dan penambahbaikan berterusan, kami juga melancarkan beberapa inovasi penting. **Inovasi penerbitan menerusi buletin APB "Lingua Phoria" seperti Rajah 2.2.4 diteruskan** dan menonjolkan aktiviti-aktiviti hal ehwal pelajar. Penambahbaikan dilakukan dengan menunjukkan aktiviti kelab dan persatuan pelajar APB di **laman sesawang rasmi APB khusus JHEPAPB dalam Rajah 2.2.3 (Bukti 2.2e)**. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan ketampakan program dan aktiviti yang dijalankan oleh serta bersama pelajar-pelajar APB, sekali gus menunjukkan komitmen kami terhadap kejayaan dan kemajuan yang berterusan.

SENAKAI BUKTI:

1. [F0048_P01_PB02_20251_AKNC2025_APB_2.2a_Perancangan Strategik.pdf](#)
2. [F0048_P01_PB02_20252_AKNC2025_APB_2.2b_Perancangan Strategik.pdf](#)
3. [F0048_P01_PB02_20253_AKNC2025_APB_2.2c_Perancangan Strategik.pdf](#)
4. [F0048_P01_PB02_20254_AKNC2025_APB_2.2d_Perancangan Strategik.pdf](#)
5. [F0048_P01_PB02_20255_AKNC2025_APB_2.2e_Perancangan Strategik.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perancangan objektif dan inisiatif Perancangan Strategik APB adalah sejajar dengan aspirasi, hala tuju, dasar dan matlamat agenda di peringkat kebangsaan seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) serta Pelan Strategik UiTM2025 yang berfokus untuk melahirkan graduan yang seimbang. Strategi pertama yang dilaksanakan adalah memperkasa set minda global dalam kalangan pelajar UiTM, mendidik nilai dan mempertingkatkan pengalaman pembelajaran melalui program-program pembangunan pelajar yang seimbang dan komprehensif.

Di Akademi Pengajian Bahasa, pelaksanaan inisiatif bidang tumpuan ini melibatkan kerjasama antara semua lapisan iaitu staf akademik, staf pentadbiran dan pelajar. Perancangan objektif dan inisiatif ini disebar luas kepada seluruh warga APB.

Perluasan Peringkat Akademi Pengajian Bahasa:

1. Townhall bersama Dekan dan Ahli Pengurusan

Proses penyampaian dan perkongsian Perancangan Strategik dalam kalangan warga APB dibuat secara tersusun. Sesi bersama **Townhall bersama Dekan dan ahli pengurusan diadakan pada 22 Februari 2024 bagi tujuan perkongsian inisiatif dan maklumat kepada semua warga (Rajah 2.3.1) (Bukti 2.3a)**. Di samping itu juga, melalui sesi dialog tersebut, hal-hal berkaitan aktiviti, perancangan jangka pendek, sederhana dan perancangan jangka panjang serta pencapaian PI turut dimaklumkan maklumat warga. Tambahan pula, APB turut menganjurkan sesi Townhall bagi tujuan pembentangan aktiviti-aktiviti, pencapaian PI yang diberikan serta pencapaian-pencapaian lain APB untuk makluman warga. Pemberitahuan dan jemputan kepada warga ini dilaksanakan melalui e-mel rasmi dan platform Whatsapp.

2. Lingua Phoria di Laman Web Rasmi APB dan E-mel

Lingua Phoria merupakan salah satu e-Buletin rasmi APB yang memaparkan himpunan kisah-kisah kejayaan, kecemerlangan dan jaringan kerjasama APB sepanjang tahun 2024 **dihebahkan kepada warga menerusi e-mel dan laman web rasmi APB (Rajah 2.3.2a & Rajah 2.3.2b) (Bukti 2.3a)**.

3. Media Sosial HEP UiTM

HEP APB juga menyebarkan informasi kegiatan serta aktiviti pelajar yang dijalankan melalui media sosial rasmi iaitu Facebook, Instagram, bagi tujuan menyampaikan maklumat kepada warga serta alumni APB **(Rajah 2.3.3) (Bukti 2.3a)**.

Perluasan Peringkat UiTM dan Global

1. Laman sesawang APB **dengan kebolehcapaian kepada pautan khusus Jabatan Hal Ehwal Pelajar APB ditambah baik dari semasa ke semasa untuk dijadikan hub utama segala informasi dan kegiatan APB (Rajah 2.3.4) (Bukti 2.3b)**. Laman sesawang ini mengandungi satu bahagian yang berkaitan Hal Ehwal Pelajar yang memberikan maklumat berkaitan kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti bersama persatuan pelajar di APB. Di APB terdapat enam (6) persatuan dalaman yang terdiri daripada SMFAPB (Sekretariat Mahasiswa APB), APPLES, BMKP, PEBAKOM, ECLIPSE dan KEBAYU. Semua persatuan ini juga membantu dalam mencapai PI yang diperturunkan kepada APB melalui kegiatan dan aktiviti yang dirancang. **JHEP APB telah mengambil tindakan berdasarkan komen yang diberikan bagi tujuan penambahbaikan terhadap laman sesawang JHEP APB.**

Mulai 2024, Pinak JHEPAPB telah membina satu Google Sites yang dipautkan secara langsung ke laman sesawang rasmi APB bagi memudahkan proses pengemaskinian maklumat berkaitan bidang tumpuan (**Bukti 2.3c**).

Laman sesawang JHEPAPB juga ditetapkan untuk paparan awam untuk memudahkan kebolehcapaian maklumat kepada semua peringkat termasuk memaparkan pautan pantas kepada semua akaun media sosial rasmi BHEPAPB dan maklumat untuk dihubungi (**Bukti 2.3c**). Pemaparan maklumat tersebut memudahkan perluasan kebolehcapaian informasi berkaitan dengan aktiviti dan inisiatif bidang tumpuan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_P01_PB03_20251_AKNC2025_APB_2.3a_Perancangan_Strategik.pdf](#)
2. [F0048_P01_PB03_20252_AKNC2025_APB_2.3b_Perancangan_Strategik.pdf](#)
3. [F0048_P01_PB03_20253_AKNC2025_APB_2.3c_Perancangan_Strategik.pdf](#)
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan pelan strategik APB dalam melaksanakan inisiatif bidang tumpuan dilaksanakan berdasarkan pencapaian petunjuk prestasi **secara berkala dan sistematik** selaras dengan pelan strategik UiTM. Pemantauan dilaksanakan berdasarkan **empat peringkat** iaitu **peringkat universiti, fakulti, bahagian dan jawatankuasa pelaksana**.

Mekanisme 1: Pemantauan peringkat **Universiti** dilaksanakan berdasarkan platform UePMO bagi memastikan pencapaian inisiatif **secara berkala (Q1, Q2, Q3 dan Q4)**. Pemantauan dilaksanakan bersama-sama dengan Penyelaras Unit Perancangan Strategik, TDHEP, Dekan dan pejabat Transformasi Universiti (TRU). Setiap perkembangan projek akan dimaklumkan secara langsung kepada TD HEP untuk **memberikan input pencapaian prestasi menerusi platform UePMO dan UiSMS tersebut (Bukti 2.4.1a)**.

Mekanisme 2: Bermula tahun 2024, pemantauan peringkat **Fakulti** dilaksanakan menerusi pelaporan secara berkala dalam **sistem UiSMS oleh TDHEP APB (setiap pelaporan inisiatif dipautkan dengan Google Drive) (Bukti 2.4.1b)** bagi memudahkan kebolehcapaian maklumat oleh pihak bertanggungjawab. Selain itu, pelaporan secara berkala oleh JHEPAPB kepada Dekan dalam **mesyuarat Jawatankuasa Fakulti** tetap diteruskan dari semasa ke semasa berdasarkan pelaksanaan inisiatif bidang tumpuan yang dirancang dalam **kalendar aktiviti fakulti. (Bukti 2.4.1c)**

Mekanisme 3: Pemantauan JHEPAPB dilakukan secara berkala antara TDHEP APB dengan Penyelaras menerusi **mesyuarat bahagian** bagi memastikan kelancaran program yang dirancang. Penyelaras dipertanggungjawabkan dengan inisiatif yang direncanakan dalam 11 Strategi Perancangan dan Pelaksanaan. **Keutamaan diberikan kepada TIGA (3) TERAS** iaitu **(i) AKADEMIK DAN PENGANTARABANGSAAN, (ii) KESEJAHTERAAN DAN KEBAJIKAN PELAJAR dan (iii) TANGGUNGJAWAB SOSIAL DAN KOMUNITI** yang meliputi STRATEGI #APB-SISWA GLOBALI, #APB-SISWADIWARA, #APB-BAKAT SISWA, #APB- SISWA E-SUKAN, #APB- SISWA SUKMA, #APB-SISWA WIJAYA, #APB- SISWA BIZ, #APB-SISWA BAKTI dan #APB-SISWA LOKALITI.

Penyelaras TELAH bertindak melaporkan kepada TDHEP APB tentang perkembangan inisiatif yang dilaksanakan. **(Bukti 2.4.1c)**

Mekanisme 4: Pemantauan **Jawatankuasa Pelaksanaan Program** dilaksanakan melalui pelaporan gerak kerja dari semasa ke semasa melalui kumpulan Whatsapp. Komunikasi DUA HALA dilakukan untuk mengambil langkah-langkah interim apabila sebarang isu atau risiko berlaku. **(Bukti 2.4.1d)**

Kesimpulan: Berdasarkan mekanisme yang dinyatakan, APB TELAH melaksanakan pelan pemantauan **secara berkala dan sistematik serta amalan baik ini diteruskan** bagi memastikan inisiatif strategik yang berkesan. APB juga TELAH memastikan PENGLIBATAN semua **warga kerja APB** dalam perancangan dan pelaksanaan inisiatif bidang tumpuan. **Mekanisme 1 dan 2**, melalui pendekatan TOP-DOWN; manakala **Mekanisme 3 dan 4**, pendekatan BOTTOM-UP diamalkan bagi penglibatan seluruh WARGA KERJA APB.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_P01_PB04_PC01_20251_AKNC2025_APB_2.4.1a_Perancangan Strategik.pdf](#)
2. [F0048_P01_PB04_PC01_20252_AKNC2025_APB_2.4.1b_Perancangan Strategik.pdf](#)
3. [F0048_P01_PB04_PC01_20253_AKNC2025_APB_2.4.1c_Perancangan Strategik.pdf](#)
4. [F0048_P01_PB04_PC01_20254_AKNC2025_APB_2.4.1d_Perancangan Strategik.pdf](#)

5.

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

JHEP APB memanfaatkan penggunaan **sistem UiSMS dan e-RMS** secara optimum dalam pengenalan **faktor dan punca risiko bagi melaksanakan tindakan pencegahan** untuk memastikan pencapaian inisiatif bidang tumpuan. Pengurusan risiko projek merupakan sebahagian daripada komponen utama untuk mengurus dan memantau risiko sesuatu projek. Tahap risiko projek direkodkan, dan projek yang menunjukkan tahap risiko tinggi atau sederhana dipertimbangkan untuk pelan mitigasi sama ada dibatalkan pelaksanaannya, dikawal atau dipinda. **(Bukti 2.4.2a)**

Selain itu, setiap inisiatif bidang tumpuan dilaporkan berdasarkan **analisa program**, seterusnya direkodkan untuk **perancangan penambahbaikan** dalam **Dokumen Daftar Pengurusan Risiko melalui sistem eRMS** dan rekod bahagian di bawah seliaan JHEP APB. Perancangan penambahbaikan dicatatkan untuk memastikan risiko yang sama tidak berulang dalam inisiatif bidang tumpuan yang lain. **(Bukti 2.4.2b)**

Analisa program dilaksanakan pada peringkat **Jawatankuasa Pelaksana** adalah berdasarkan laporan pascanilai yang terlibat dalam inisiatif bidang tumpuan. Setiap masalah dikenal pasti dicatatkan dan dikemukakan cadangan dan penambahbaikan. **(Bukti 2.4.2c)**

Analisa program turut dilaksanakan berdasarkan maklum balas peserta terhadap borang maklum balas yang dikemukakan. Setiap item penilaian dinilai untuk penambahbaikan pada program akan datang. **(Bukti 2.4.2d)**

AMALAN BAIK dalam rekod pengurusan risiko melalui **sistem eRMS** dan **laporan pascanilai** setiap habis sesuatu inisiatif bidang tumpuan diteruskan. Pelaporan direkodkan dalam data JHEP APB untuk rujukan dari semasa ke semasa.

Panduan Pengurusan Risiko Projek merupakan dokumen **RUJUKAN UTAMA** dalam memastikan langkah-langkan pencegahan dan mitigasi bagi inisiatif yang menunjukkan risiko yang TINGGI. **(Bukti 2.4.2e)**

Kesimpulannya, semua peringkat mengambil peranan dalam pengenalan **faktor dan punca risiko** bagi memastikan pencapaian objektif dan inisiatif perancangan strategik bidang tumpuan. Peranan pada peringkat Jawatankuasa Pelaksana dan JHEP APB.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_P01_PB04_PC02_20251_AKNC2025_APB_2.4.2a_Perancangan Strategik.pdf](#)
2. [F0048_P01_PB04_PC02_20252_AKNC2025_APB_2.4.2b_Perancangan Strategik.pdf](#)
3. [F0048_P01_PB04_PC02_20253_AKNC2025_APB_2.4.2c_Perancangan Strategik.pdf](#)
4. [F0048_P01_PB04_PC02_20254_AKNC2025_APB_2.4.2d_Perancangan Strategik.pdf](#)
5. [F0048_P01_PB04_PC02_20255_AKNC2025_APB_2.4.2e_Perancangan Strategik.pdf](#)

2.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pemantauan dan penganalisaan setiap objektif dan inisiatif bidang tumpuan TELAH dijalankan secara BERKALA. **Perbincangan TELAH DILAKSANAKAN** dalam **Mesyuarat Pengurusan Jawatankuasa Eksekutif APB, Mesyuarat Perbincangan Petunjuk Prestasi APB dan Sesi Townhall Bersama Dekan 2024**. Mesyuarat TELAH MENGENAL SEMULA faktor-faktor kelemahan dan risiko yang di hadapi dalam pelaksanaan inisiatif strategik tersebut.

Pemantauan dilaksanakan menerusi pembentangan laporan oleh Penyelaras BTU APB secara berkala menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Fakulti dan dibincangkan untuk kajian tindakan penambahbaikan. **Bengkel Pasca Nilai Pelaporan Pencapaian PI Fakulti** merupakan salah satu langkah intervensi bagi memastikan segala strategi dan inisiatif yang ditetapkan dalam bidang tumpuan dapat dicapai. Bengkel diadakan pada suku ke-2 tahunan bagi memastikan bahawa setiap inisiatif yang dirancang dapat dicapai pada tempoh masa yang ditetapkan **(Bukti 2.4.3)**

Perbincangan **cadangan PENAMBAHBAIKAN** telah dijalankan dan diputuskan serta diambil untuk tindakan susulan oleh BHEP APB untuk memastikan setiap Penyelaras dan warga kerja yang terlibat memberi sumbangan untuk mencapai objektif dan inisiatif bidang tumpuan. Cadangan penambahbaikan dilaksanakan sebagai langkah intervensi untuk pencapaian inisiatif bidang tumpuan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_P01_PB04_PC03_20251_AKNC2025_APB_2.4.3_Perancangan Strategik.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

APB menerusi pelaksanaan dan penambahbaikan objektif dan inisiatif strategik TELAH BERJAYA MEMBUDAYAKAN pengurusan dan pembangunan pelajar dalam kalangan warga APB. Perkara ini dibuktikan melalui kecemerlangan aktiviti di bawah seliaan BHEP yang mencapai PI 100% seperti yang disasarkan dalam KPI TRU. JHEP APB menjadi antara PENYUMBANG TERTINGGI PENCAPAIAN KPI PI Q4 2024 TNC HEP. **(Bukti 2.5a)**

Pencapaian kecemerlangan sasaran bidang tumpuan ini telah menjadi TELADAN KECEMERLANGAN UiTM pada tahun 2023 apabila APB dianugerahkan pencapaian kecemerlangan bidang tumpuan melalui ANUGERAH PENGURUSAN AKADEMIK KOKURIKULUM CEMERLANG dan diteruskan lagi pada tahun 2024 menerusi pencapaian PI JHEP APB 100%. Perkongsian pencapaian dihebahkan menerusi media sosial rasmi sebagai **TANDA PENGHARGAAN** kepada semua warga kerja APB khususnya JHEP APB dan para pelajar **(Bukti 2.5b)**

APB **TERUS MEMBUDAYAKAN** bidang tumpuan dalam kalangan warga APB melalui penglibatan semua warga kerja APB untuk bersama-sama MELAKSANAKAN inisiatif **#APB-SISWASUKMA** dan **#APB-SISWABAKTI** melalui program APB KONGSI REZEKI. **Inisiatif ini DITERUSKAN** sejak diperkenalkan pada tahun 2022 kerana memberikan impak signifikan kepada pelajar APB dan komuniti setempat. Setiap perkembangan jumlah kutipan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa menerusi kumpulan Whatsapp APB Sosial Rasmi. Program tahun 2024 ini telah dipanjangkan kepada penduduk sekitar Seksyen 7 **(Bukti 2.5c)**.

Pengamalan budaya kerja perdana menerusi **PENGIKTIRAFAN dan PENGHARGAAN** kepada setiap pemegang taruh, warga kerja APB dan para pelajar APB dilaksanakan menerusi majlis penganugerahan yang diraikan bersama-sama.

Segalam AMALAN BAIK yang dibudayakan JHEP APB turut menjadi budaya kerja seluruh warga kerja APB apabila semua inisiatif yang dilakukan di bawah bidang tumpuan sentiasa mendapat penglibatan warga APB sama ada staf akademik dan staf pentadbiran. Hal ini menjadi indikator utama dalam memastikan setiap PI yang diletakkan di bawah bidang tumpuan dapat dicapai sejajar dengan strategi dan matlamat APB dan Universiti.

Kesimpulan: Berdasarkan bukti yang dikemukakan, tahap pembudayaan hasil dari pelaksanaan dan penambahbaikan objektif dan inisiatif bidang tumpuan TELAH MEMPERLIHATKAN budaya kerja yang selaras dengan Perancangan Strategik UiTM sebagai sebuah Global Renowned University pada tahun 2025.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_P01_PB05_20251_AKNC2025_APB_2.5a_Perancangan Strategik.pdf](#)
2. [F0048_P01_PB05_20252_AKNC2025_APB_2.5b_Perancangan Strategik.pdf](#)
3. [F0048_P01_PB05_20253_AKNC2025_APB_2.5c_Perancangan Strategik.pdf](#)
- 4.
- 5.

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelanggan APB merangkumi pelanggan dalaman dan luaran. **Pelanggan dalaman** terdiri daripada golongan staf dan pelajar, manakala **pelanggan luaran** merangkumi alumni, masyarakat, komuniti, serta pihak industri. **Pelanggan utama Bidang Tumpuan (BT)** ialah staf, pelajar, alumni dan komuniti.

Pihak pengurusan APB sentiasa menitikberatkan kepuasan semua pelanggan dalam penyampaian perkhidmatan serta pelaksanaan program berkaitan BT. Justeru, **perancangan** program BT dilaksanakan secara sistematik dan selari dengan **Pelan Perancangan Strategik APB 2023–2025** yang dibangunkan berdasarkan garis panduan di peringkat universiti (Pelan Strategik UiTM 2025). Program-program yang telah dijalankan juga diselaraskan dengan **Aspirasi UiTM** untuk menjadi Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025. Dengan ini, APB TELAH merancang enam (6) Pelan Perancangan Strategik iaitu

1. **#APB-SISWA GLOBALI**
2. **#APB-SISWADIWIRA**
3. **#APB-SISWA SUKMA**
4. **#APB-SISWA WIJAYA**
5. **#APB-SISWA BAKTI**
6. **#APB-SISWA LOKALITI** bagi membangunkan dan memperkasakan BT.

Bagi merealisasikan **pelan** tersebut, APB TELAH **melaksanakan** program perkongsian ilmu, komuniti dan kesukarelawanan selaras dengan BT. Elemen perkongsian pengetahuan amat dititikberatkan semasa pelaksanaan program BT. Oleh itu, data-data kepakaran alumni telah dikumpul, disimpan dan dikenalpasti bidang industri mereka untuk menyelaraskan program yang akan datang. Pihak pengurusan APB telah melibatkan kumpulan sasaran secara menyeluruh iaitu staf, pelajar, alumni, komuniti dan industri (lokal dan antarabangsa) untuk memperkasakan pengurusan dan pembangunan pelajar.

Pemantauan keberkesanan pelaksanaan program BT telah dinilai secara “one-off” melalui maklumbalas pelanggan terhadap program yang dinyatakan di Laporan Program. Informasi **maklumbalas** pelanggan dikumpul melalui aplikasi “Google Form” dan dianalisis sebelum dibawa ke mesyuarat laporan pelastarian program yang telah dijalankan oleh APB. Pelaporan berikut kemudian dikongsi kepada warga APB melalui perbincangan di mesyuarat berkaitan di APB. Bagi memperkasakan sistem pengurusan berkualiti, audit dalam telah diadakan sekali setahun di APB.

Sebarang kekurangan yang dialami oleh pelanggan APB semasa mengikuti program-program berdasarkan Pelan Perancangan Strategik APB 2023-2025 telah dikenalpasti dan tindakan pencegahan atas tujuan penambahbaikan telah dirancang untuk mendapatkan langkah-langkah penyelesaian yang bersesuaian dan praktikal.

Bagi program BT berskala besar, data-data pemantauan telah dikumpul secara sistematik, telah dianalisa secara berkesan dan telah digunakan bagi tujuan perbincangan di mesyuarat laporan **perlestarian** program bagi mengenalpasti isu berbangkit dan penambahbaikan yang perlu dilakukan pada masa yang akan datang.

Peningkatan penglibatan pelajar, alumni, dan industri dalam program BT di APB merupakan antara langkah penambahbaikan yang dilaksanakan secara berkesan. Pembudayaan program-program BT yang berasaskan akademik dan pengantarabangsaan adalah ditekankan dalam pelaksanaan aktiviti. Pemantauan program-program BT juga berasaskan kesejahteraan dan kebajikan pelajar. Tambahan pula, program-program berikut berjaya menyasarkan BT kepada kebudayaan tanggungjawab sosial dan komuniti.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelanggan APB di kategorikan kepada **pelanggan dalaman** dan **pelanggan luaran**. Kedua-dua kategori berikut merupakan **pelanggan utama BT**. Kumpulan sasaran bagi BT adalah merujuk kepada pelanggan utama BT sepertimana yang diterangkan dalam Bukti 3.1a dan Bukti 3.1b.

APB TELAH membuat **perancangan** yang **sistematik** semasa membangunkan program-program berkaitan BT yang melibatkan pelanggan utama BT iaitu staf, pelajar, alumni dan komuniti agar berselari dengan:

1. **Pelan Perancangan Strategik APB 2023-2025** yang telah dirangka secara sistematik berdasarkan garis panduan di peringkat universiti (Pelan Strategik UiTM 2025). (Bukti 3.2a dan Bukti 3.2b)
2. **Aspirasi UiTM** untuk menjadi Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025.

Selari dengan BT dan berasaskan garis panduan di atas, APB telah melahirkan beberapa strategi berfokuskan kepada **pelanggan utama BT**. APB telah mendapat kesan enam (6) strategi yang berimpak tinggi, iaitu **#APB-SISWA GLOBALI**, **#APB-SISWADIWIRA**, **#APB-SISWA SUKMA**, **#APB-SISWA WIJAYA**, **#APB-SISWA BAKTI** dan **#APB-SISWA LOKALITI** untuk memperkasakan aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan.

Program-program APB yang menekankan enam (6) strategi tersebut telah melibatkan pelanggan-pelanggan BT secara komprehensif. Program-program ini merangkumi aktiviti perkongsian ilmu, kepakaran alumni, aktiviti kemasyarakatan dan aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan pelajar, staf, alumni dan komuniti seperti **Perkongsian Ilmu**, **Silang Bahasa (Sulam) Dan Kerja Amal Ke Universitas Di Mataram**, **APPLES Affinity Forum**, **Pemantapan Destini Siswa APB**, **Career Talk** dan **Starlit Stories: A Reading Aloud Programme For Down Syndrome Children**.

Elemen peningkatan kemahiran adalah pemangkin kepada percambahan ilmu manakala **perkongsian pengetahuan** adalah bertujuan untuk penyebaran ilmu. Oleh itu, strategi terhadap pelanggan BT telah menekankan elemen **budaya kerja professional** semasa menjalankan aktiviti perkongsian pengetahuan. Sebagai contoh, pelajar telah mengadakan sesi perkongsian pengetahuan dengan menjalankan program aktiviti bernama **Career Talk Professional Insight for Future Endeavours** yang dijalankan dalam talian. Program tersebut telah menggalakkan pelajar untuk mengasah kemahiran mereka yang tersendiri dibawah bimbingan ceramah jemputan daripada industri yang pakar dalam kemahiran pengurusan modal insan, dasar dan polisi sumber manusia dan pembangunan kerjaya dan latihan. (Bukti 3.2c).

Program aktiviti yang lain juga termasuk **Starlit Stories: A Reading Aloud Programme For Down Syndrome Children**, yang telah dijalankan untuk Memperkasakan remaja dengan sindrom Down melalui aktiviti membaca untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan sosial. Program pre-vocational adalah penting untuk menyediakan kumpulan ini dengan kemahiran asas yang diperlukan untuk memasuki pasaran kerja dan menjalani kehidupan yang berdikari (Bukti 3.2d).

Kesimpulannya Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, APB telah **mengenalpasti program yang memberi manfaat kumpulan sasaran/pelanggan BT**. **Perancangan terhadap pelanggan BT** telah dibuat secara sistematik setelah berpandukan kepada garis panduan di peringkat universiti yang mana elemen **peningkatan kemahiran dan perkongsian pengetahuan telah dititikberatkan**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048 T01 TB02 20251 BUKTI 3.2a.pdf](#)
2. [F0048 T01 TB02 20252 BUKTI 3.2b.pdf](#)

-
3. [F0048_T01_TB02_20253_BUKTI 3.2c.docx.pdf](#)
 4. [F0048_T01_TB02_20254_BUKTI 3.2d.pdf](#)
 - 5.

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

PTJ juga telah melibatkan pelajar dalam aktiviti **kemasyarakatan dan kesukarelawanan** bagi dengan fokus **Empowering Tomorrow: APB Student Development Hub**. Pelbagai program dengan kerjasama BHEA telah menggerakkan pelaksanaan **aktiviti kemasyarakatan dengan penglibatan pelajar, pensyarah dan komuniti setempat**.

Pihak APB telah mengumpul and menyimpan data pelanggan, terutamanya dari pihak alumni dan dalam proses pengenalpastian. Selaras dengan BT dan berasaskan garis panduan yang telah dibincangkan dalam bahagian pendekatan, APB telah melahirkan beberapa strategi berfokus kepada pelanggan utama BT. Program aktiviti yang telah dijalankan berteraskan hasil Akademik dan Pengantarabangsaan dan Tanggungjawab Sosial dan Komuniti.

Berikut adalah senarai nama program aktiviti yang telah dilaksanakan untuk merealisasikan pelan perancangan strategik seperti **Silang Bahasa (Sulam) Dan Kerja Amal Ke Universitas Di Mataram dan Starlit Stories: A Reading Aloud Programme For Down Syndrome Children**.

Silang Bahasa (SULAM) Dan Kerja Amal ke Universitas di Mataram (Bukti 3.3a) telah membantu mendidik pelajar untuk memupuk **semangat kesukarelawanan** peringkat antarabangsa dalam kalangan mahasiswa untuk menyumbang bakti dan khidmat kepada masyarakat luar. Selain itu, program ini juga telah memupuk kolaborasi bersama industri dan komuniti yang berkaitan dengan perkongsian aktiviti pembelajaran. Tambahan pula, ia telah berjaya menambah ilmu pengetahuan tentang budaya, bahasa dan sejarah dan bekerja untuk mencapai Matlamat Pembangunan Lestari yang ke-4 iaitu pendidikan berkualiti. Program ini juga telah mewujudkan jalinan hubungan pelanggan utama dengan institusi dalam dan luar negara untuk pertukaran maklumat dan menjalin kenalan.

Pengurusan APB telah melibatkan kumpulan sasaran secara menyeluruh dalam pelaksanaan Bidang Tumpuan (Komuniti) melalui penyertaan aktif pelajar sindrom Down di ORKIDS (3.3c) sebagai peserta utama program membaca berstruktur, dengan sokongan guru-guru. Ibu bapa pelajar turut terlibat dengan berkongsi pandangan tentang perubahan sikap anak-anak mereka, manakala komuniti menerima manfaat melalui pengukuhan sokongan keluarga dan sekolah. Di samping itu, seramai 10 pensyarah dan 13 pelajar APB berperanan sebagai fasilitator serta (3.3c) membangunkan modul Starlit Stories: Interactive Reading Circles, manakala pihak industri yang bekerjasama dalam latihan pra-pekerjaan turut menyatakan kesediaan untuk terlibat dengan sekolah pendidikan khas seperti ORKIDS. Pendekatan holistik ini memastikan program yang dijalankan benar-benar menepati keperluan kumpulan sasaran dan memberi impak positif kepada pelajar, keluarga, komuniti, serta pihak berkepentingan (3.3d).

Kesimpulannya: Berdasarkan elaborasi yang telah dinyatakan di atas, data pelanggan telah dikumpul dan disimpan. Pihak pengurusan telah melibatkan pelanggan sasaran dalam pelaksanaan perancangan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_T01_TB03_20251_BUKTI 3.3a.pdf](#)
2. [F0048_T01_TB03_20252_BUKTI 3.3b.pdf](#)
3. [F0048_T01_TB03_20253_BUKTI 3.3c.pdf](#)
4. [F0048_T01_TB03_20254_BUKTI 3.2d.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kesemua program BT telah diberi **pemantauan** yang sewajarnya. Di APB **pemantauan** program tersebut telah dilaksanakan secara “**one-off**” melalui **maklum balas pelanggan** terhadap program yang dinyatakan di Laporan Program Bagi **#APB-SISWADIWIRA** dan **#APB-SISWA LOKALITI**. Maklum balas program BT akan dikumpul melalui aplikasi “**Google Form**” seperti program APPLES dan JOM PEKA 2.0 (3.4.2 dan 3.4.3). Program ini memberikan pendedahan supaya pelajar lebih peka dengan masalah yang dihadapi oleh diri dan rakan-rakan lain. Program ini juga membantu pelajar menyelesaikan masalah bersama pelajar lain dan saling bertukar-tukar idea serta meningkatkan Kemahiran menguruskan emosi diri dan juga rakan-rakan yang lain(3.4.4). Bagi **#APB-SISWADIWIRA Program APPLES Affinity** (3.4.1) telah melibatkan penyertaan semua pelajar UiTM Shah Alam. Jawatankuasa APPLES bersama biro-biro yang bernaung di bawahnya akan melaksanakan tanggungjawab serta tugas masing-masing yang telah ditetapkan bagi memastikan kelancaran dan kesempurnaan perjalanan program.

Infomasi maklum balas pelanggan yang dikumpul secara **bersistematik** tersebut akan dianalisis secara saintifik sebelum dibawa ke mesyuarat laporan pelastarian program yang telah diadakan di APB. Tujuan perbincangan di mesyuarat laporan **kelestarian program adalah untuk mengenal pasti isu-isu berbangkit agar penambahbaikan** dilakukan pada masa akan datang.

Antara hasil **penambahbaikan** yang ketara ialah peningkatan bilangan penglibatan para pelajar, alumni dan industri semasa melaksanakan program-program BT di APB, serta **pembudayaan** program-program BT yang berasaskan akademik dan pengantarabangsaan aktiviti. Pemantauan program-program BT juga berteraskan aspek meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan pelanggan BT (iaitu para pelajar). Dalam pada itu, **pemantauan program-program BT** di APB juga berjaya memupuk semangat tanggungjawab sosial BT kepada komuniti setempat.

Kesimpulan: Hasil pemantauan yang telah diperoleh melalui maklum balas Laporan Program telah digunakan untuk kaji semula pengurusan di mesyuarat post-mortem agar penambahbaikan yang perlu dilakukan pada masa yang akan datang.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_T01_TB04_TC01_20251_BUKTI 3.4.1..pdf](#)
2. [F0048_T01_TB04_TC01_20252_BUKTI 3.4.2.pdf](#)
3. [F0048_T01_TB04_TC01_20253_BUKTI 3.4.3.pdf](#)
4. [F0048_T01_TB04_TC01_20254_BUKTI 3.4.4.pdf](#)
- 5.

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pencapaian dan kejayaan pelaksanaan program-program BT yang melibatkan pelanggan sama ada pelajar, industri ataupun komuniti sudah semestinya mempunyai **risiko** yang boleh menjadi halangan. Oleh itu, **pengurusan risiko** yang berterusan dan sistematik turut diberi tumpuan dalam **Pelan Perancangan Strategik APB 2023-2025** (Bukti 3.4.2a). Hal ini banyak membantu mengenal pasti halangan yang bakal muncul dan kelemahan yang boleh menjejaskan operasi dalam mencapai objektif program-program BT yang merangkumi risiko, **tadbir urus dan strategi**. APB melalui Unit Pengurusan Risiko telah mengenapasti risiko-risiko yang boleh mencacatkan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian program-program BT. Antara risiko yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

Bagi program **Starlit Stories: A Reading Aloud Programme For Down Syndrome Children** terdapat beberapa risiko yang telah dikenalpasti seperti ahap kehadiran peserta yang tidak konsisten, perbezaan tahap kebolehan pelajar, limitasi sumber manusia dan masa dan cabaran dalam **penilaian keberkesanan program** (3.4.2b). Selain itu, terdapat juga risiko dari segi kekurangan bilangan sukarelawan ataupun alumni yang ingin membabitkan diri dalam program-program BT anjuran APB. (3.4.2c)

Pihak pengurusan dan pentadbiran APB melalui Unit Pengurusan Risiko telah **mengambil langkah-langkah** berikut untuk **mengurus risiko yang dikenal pasti** di atas. Untuk menangani risiko berkenaan, sesi program dijadualkan secara berkala, perubahan saiz kumpulan yang lebih kecil, kerjasama antara guru dan sukarelawan and menitiberatkan maklumbalas pelanggan. APB seterusnya telah merancang dan mengambil tindakan pencegahan untuk menangani Risiko 1 & 2 di atas dengan mengadakan sebahagian program BT anjuran APB dalam talian.

Kesimpulan: Pengurusan risiko APB boleh dikatakan telah dilakukan secara bersistematik dan menyeluruh dengan membabitkan semua pelanggan BT demi merancang tindakan pencegahan, menetapkan kaedah kawalan dan memantapkan pelaksanaan sekiranya berlaku risiko yang telah dikenal pasti. Penubuhan Unit Pengurusan Risiko APB telah bertanggungjawab untuk mengenal pasti jenis risiko, **tindakan penambahbaikan, merancang tindakan kawalan dan seterusnya tindakan alternatif** sebagai langkah untuk memastikan kepuasan pelanggan **BT** berada pada tahap yang optimum seterusnya melestarikan prestasi perkhidmatan secara berterusan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_T01_TB04_TC02_20251_BUKTI 3.4.2a .pdf](#)
2. [F0048_T01_TB04_TC02_20252_BUKTI 3.4.2b.pdf](#)
3. [F0048_T01_TB04_TC02_20253_BUKTI 3.4.2c.pdf](#)
- 4.
- 5.

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pihak pengurusan dan pentadbiran APB telah **mengkaji semula** dan **mengambil berat** terhadap maklum balas yang diterima setiap kali program-program BT berlangsung. Setiap kepuasan dan ketidakpuasan hati pelanggan **diukur** dengan menggunakan borang soal selidik dan akan diterangkan dengan terperinci dalam jadual sebagaimana telah tercatat dalam **Laporan Post-Mortem** program-program BT. Kesemua tindakan penambahbaikan program dilakukan dengan mengkaji semula aturcara sehingga ke pelaksanaan program/aktiviti agar relevan dengan kehendak pelanggan serta selari dengan matlamat **Pelan Perancangan Strategik APB 2023-2025**. Maklum balas dan aduan pelanggan yang **diperoleh** akan **dianalisa** agar langkah penambahbaikan dapat dilaksanakan.

Bagi **#APB-SISWADIWARA**, pengurusan mengambil kira aduan berkaitan pertindihan tarikh dan kekeliruan tentatif. Oleh itu, tindakan **penambahbaikan** termasuklah pemilihan tarikh yang lebih sesuai melalui semakan awal dengan semua pihak berkepentingan, penegasan masa ketibaan peserta bagi mengelakkan kelewatan, serta penyediaan tentatif program yang lebih jelas agar mudah difahami oleh peserta dan perasmi(3.4.3a-b). Bagi **#APB-SISWA SUKMA**, pihak pengurusan telah menekankan aspek persiapan teknikal dengan **lebih teliti** bagi **Majlis Anugerah Dekan dan Anugerah Tokoh Siswa**. Selain itu, pergerakan pembahagian sijil akan diperkemas dengan latihan raptai yang lebih sistematik, serta menggalakkan kerjasama silang antara biro-biro dalaman agar perjalanan majlis lebih lancar (3.4.3c-d). Seterusnya, bagi **#APB-SISWA LOKALITI, IYM CAMP: INSPIRE YOUNG MINDS**, pengurusan mendapati isu masa slot yang tidak mencukupi **telah menjejaskan keberkesanan aktiviti**. Oleh itu, langkah **penambahbaikan** adalah dengan **memanjangkan** tempoh slot latihan mengikut kesesuaian program agar setiap aktiviti dapat dilaksanakan dengan sempurna (3.4.3e)

Kesimpulan: Kepuasan pelanggan BT sentiasa **dititikberatkan** oleh APB bagi menjamin **kualiti perkhidmatan hasil** daripada perancangan strategik, pelaksanaan pelan risiko yang berkesan, pemantauan berterusan dan kajian semula yang terperinci terhadap tumpuan pelanggan BT di APB.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_T01_TB04_TC03_20251_BUKTI 3.4.3a.pdf](#)
2. [F0048_T01_TB04_TC03_20252_BUKTI 3.4.3b.pdf](#)
3. [F0048_T01_TB04_TC03_20253_BUKTI 3.4.3c.docx.pdf](#)
4. [F0048_T01_TB04_TC03_20254_BUKTI 3.4.3d.pdf](#)
5. [F0048_T01_TB04_TC03_20255_BUKTI 3.4.3e.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Melalui pengenalan kepada kumpulan sasaran, **program-program BT** yang telah dijalankan oleh APB dapat **mempertingkatkan jaringan industri dan komuniti** secara berkesan. Hal ini dapat dilihat melalui **keberkesanan** program yang dijalankan mampu mendukung misi dan visinya sebagaimana yang terdapat di dalam **Perancangan Strategik APB 2023-2025**. Berikut adalah integrasi yang telah dijalankan melalui cadangan dan penambahbaikan:

1. **Majlis Anugerah Dekan dan Anugerah Tokoh Siswa #APB-SISWA SUKMA** semakan semula aspek teknikal serta raptai yang lebih tersusun telah berjaya memperkemas perjalanan majlis. Persiapan awal bahan tayangan dan peralatan teknikal mengurangkan gangguan semasa program berlangsung. (3.5a)
2. **Bengkel Pemantapan Pengacaraan Majlis Siri 1#APB-SISWADIWARA**, langkah memilih tarikh yang sesuai melalui semakan dengan pihak berkepentingan telah berjaya meningkatkan kadar kehadiran peserta. (3.5b)
3. **Program IYM Camp: Inspire Young Minds #APB-SISWA LOKALITI** tindakan menambah tempoh slot latihan telah membolehkan aktiviti dilaksanakan dengan lengkap dan teratur. (3.5c)
4. **Starlit Stories: A Reading Aloud Programme For Down Syndrome Children #APB-SISWA LOKALITI**, cadangan seperti memperluas penggunaan platform digital interaktif berjaya meningkatkan penglibatan peserta, sekaligus menambah baik pengalaman pembelajaran. Inovasi ini turut menyokong integrasi teknologi dalam pendidikan bahasa. (3.5d)
5. **Program APPLES Affinity #APB-SISWADIWIRA** Inovasi yang terhasil ialah pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman (**experiential learning**) yang menggabungkan elemen akademik, budaya dan komunikasi. (3.5e)

Kesimpulan: Pelaksanaan program-program BT yang dilaksanakan secara digital atau fizikal adalah antara tindakan **penambakan** yang telah dilaksanakan oleh APB dengan berkesan. Program-program BT adalah dijalankan secara digital atau fizikal. Program-program tersebut yang membabitkan ramai pelanggan dalaman serta luaran telah dapat meningkatkan reputasi dan **keberkesanan** program-program BT yang bertaraf nasional dan antarabangsa dengan matlamat **Empowering Tomorrow: APB Student Development Hub**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_T01_TB05_20251_BUKTI_3.5a.docx.pdf](#)
2. [F0048_T01_TB05_20252_BUKTI_3.5b.pdf](#)
3. [F0048_T01_TB05_20253_BUKTI_3.5c.pdf](#)
4. [F0048_T01_TB05_20254_BUKTI_3.5d.pdf](#)
5. [F0048_T01_TB05_20255_BUKTI_3.5e.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Setiap organisasi pasti mempunyai misi dan visi yang hendak dicapai bagi menunjukkan ketampakan mereka. Oleh yang demikian, Akademi Pengajian Bahasa (APB) telah memilih bidang tumpuan iaitu '**Pengurusan dan Pembangunan Pelajar**' dalam melaporkan kebolehpasaran para pelajar mereka. Selari dengan Pelan Perancangan Strategik HEP 2020 - 2025 dan Dasar Kualiti HEP, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP), Universiti Teknologi MARA, (UiTM) telah menyatakan tema yang menjadi tunjang bagi pencapaian pelajar di UiTM pada 2024 adalah '**Pengiktirafan Global**'. Tema ini juga selari dengan Visi dan Misi Jabatan Pendidikan Tinggi yang mendukung prinsip kecemerlangan insan di peringkat global. Lantaran itu, APB melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP (APB)) telah merangka beberapa program bagi memperkasa para pelajar ke persada antarabangsa yang bertemakan ***Empowering Tomorrow: APB Student Development Hub***.

Perancangan (Plan)

Bagi melancarkan program-program yang telah dicadangkan, JHEP (APB) telah merangka tiga fokus iaitu, **Akademik dan Pengantarabangsaan, Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar** dan **Tanggungjawab Sosial dan Komuniti** yang menjadi tunjang kepada keberkesanan dan kejayaan program-program yang dijalankan. Ketiga-tiga fokus ini juga mendukung **Model Pemerksaan Graduan UiTM** yang telah dirangka bagi melahirkan graduan yang berketerampilan, berdaya saing, memiliki kecerdasan holistik, berilmu, berintelektual, berakhlak, patriotisme, dan mempunyai semangat sukarelawan dan diharapkan dapat membentuk generasi yang relevan dari zaman ke zaman.

Pelaksanaan (Do)

Berdasarkan **Model Pemerksaan Graduan UiTM**, JHEP (APB) telah merangka beberapa program yang mampu untuk melahirkan para pelajar yang bersifat **holistik (berilmu, berketerampilan, berdaya saing, berakhlak)**. Program-program yang dirangka dan dijalankan adalah untuk bertumpu kepada program-program yang objektifnya untuk meningkatkan **kemahiran insaniah, keusahawanan dan sukarelawan** dikalangan pelajar APB.

Pemantauan (Check)

Selain daripada perancangan yang rapi dan pelaksanaan program secara teratur dan berstruktur, JHEP (APB) juga memantau dan menilai keberkesanan suatu program yang dijalankan melalui dokumen maklum balas pelanggan, post-mortem dan juga laporan-laporan program yang disertakan cabaran-cabaran dan cadangan cadangan bagi menyelesaikan sesuatu isu supaya tidak berlaku lagi pada masa hadapan di program yang lain.

Penambahbaikan (Act)

Proses penambahbaikan sesuatu program atau projek dilakukan melalui analisa hasil dapatan dan pemantauan melalui laporan mesyuarat (post-mortem), laporan bertulis, dan juga input daripada warga APB, amnya dan para pelajar, khususnya. Hasil dapatan daripada sumber ini akan diproses dan dianalisis dan seterusnya penambahbaikan dan pembedahan yang sewajarnya akan dilaksanakan bagi program yang seterusnya dan yang akan datang.

Dalam menjayakan sesuatu program atau satu usaha dalam meningkatkan ketampakan dan pengiktirafan APB, amnya dan JHEP, APB, khususnya, diperingkat lokal dan global, keterlibatan daripada oleh semua pemegang taruh iaitu daripada pengurusan fakulti, jawatankuasa induk JHEP (APB), para pelajar dan semua warga adalah sangat penting sekali gus keterlibatan dan kerjasama daripada semua pihak dapat menyelaraskan dan

menyempatkan proses penambanbukan yang diujarkan.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Terdapat **10 PI** yang dipertanggungjawabkan kepada JHEP (APB) pada tahun 2024 yang mana setiap PI mendukung **Pelan Strategik UiTM 2025**. **Bukti 1** menunjukkan prestasi setiap PI yang mana JHEP (APB) telah mencapai kesemua PI dengan **pencapaian 100% dan lebih 100%** seperti yang telah ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU).

Bagi memastikan **tiga (3) tunjang** dan tumpuan JHEP, APB iaitu **akademik dan pengantarabangsaan pelajar, kesejahteraan dan kebajikan pelajar dan tanggungjawab sosial dan komuniti** dikalangan pelajar ke peringkat global, data pencapaian PI JHEP (APB) digunakan sebagai petunjuk pengukuran iaitu:

- 1. PI027 Number of International SULAM's (Knowledge Transfer) programmes with industry/community collaboration in relation to service learning activities that are mapped in SDG's element.**
- 2. PI029 Number of leadership programmes**
- 3. PI030 Number of companies involved in career activities**
- 4. PI031 Number of international communication skill related programmes.**
- 5. PI033 Number of students involved in the e-sport industry**

Pencapaian ini telah mengambil kira ke semua penglibatan oleh **SMPAPB** dan juga kelab-kelab dalaman APB seperti, **APPLES, ECLIPSE, PEBAKOM dan BMPK**. Berdasarkan laporan oleh BTU, bagi **PI027**, JHEP (APB) menunjukkan pencapaian 200%, diikuti oleh **PI033** dengan pencapaian 195.7%. Manakala **PI029, PI030 dan PI031** telah menunjukkan pencapaian 100%.

Pencapaian JHEP (APB) pada tahun 2023 dan 2024 dilihat terdapat peningkatan yang ketara bagi 5 PI yang disenaraikan diatas iaitu PI027, PI029, PI030, PI031 dan PI033. Semua PI yang disenaraikan ini telah mendapat pencapaian yang memberangsangkan iaitu 100% pada tahun 2023. PI-PI ini telah menunjukkan peningkatan yang sangat cemerlang. Bagi PI027, pada tahun 2023, pencapaiannya ialah 100% manakala pada tahun 2024, pencapaiannya ialah 200%. Bagi PI033, pada tahun 2023, ia telah mendapat pencapaian 100% akan tetapi, PI033 telah meningkat pada tahun 2024 dengan 195.7%. Manakala bagi PI029, PI030 dan PI031, ketiga-tiga PI ini kekal dengan pencapaian 100% pada tahun 2024 iaitu sama pada tahun 2023. Peningkatan ini berlaku adalah kerana pihak JHEP, APB telah mengendalikan penambahbaikan melalui Kursus Pengurusan Organisasi Mahasiswa APB 2024 (Bukti 2) bagi memastikan para pelajar dapat meningkat kemahiran kepimpinan, insaniah dan komunikasi berkesan.

Setiap PI yang telah diberikan oleh pihak BTU, JHEP (APB) telah merangka dan merencanakan program-program yang sesuai dan selari dengan kemampuan para pelajar di APB. Contohnya, **PI027** telah dicapai melalui program **SULAM: A Bridge Between Two Worlds** dan **PI029** juga telah dicapai melalui program **APPLES Affinity Forum**. Selain daripada itu, **Karnival Pembangunan Kerjaya (CEO Talk)** telah dipetakan bagi mencapai **PI030**. **IYM Camp: Inspire Young Minds** telah dipetakan bagi mencapai dua PI sekali gus iaitu **PI029** dan **PI031**. Manakala bagi **PI033**, PI ini telah dapat dicapai melalui program **Mahabbah Ramadan Akademi Pengajian Bahasa Tahun 2024**.

Semua data ini telah dilaporkan kepada pihak pengurusan dan semua dokumen ini telah ditempatkan di dalam satu folder yang telah dikumpulkan dalam satu folder di dalam satu pautan **Google Drive** (Bukti 4). Selain daripada itu, pelaporan juga telah dibuat dengan mengumpulkan semua data melalui **Google Spreadsheet** di (Bukti 5) mana pelaporan yang dibuat adalah melalui PI-PI yang telah ditetapkan. Pelaporan daripada BTU juga menjadi platform alternatif dalam memantau pencapaian PI-PI dibawah JHEP, APB.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_A01_AB02_20252_APB_AKNC2024_K4_4.2.1.pdf](#)
2. [F0048_A01_AB02_20252_APB_AKNC2024_K4_4.2.2.pdf](#)
3. [F0048_A01_AB02_20253_APB_AKNC2024_K4_4.2.3.pdf](#)
4. [F0048_A01_AB02_20254_APB_AKNC2024_K4_4.2.4.pdf](#)
5. [F0048_A01_AB02_20255_APB_AKNC2024_K4_4.2.5.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

SENARAI BUKTI :

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan dalam aspek pengurusan dan pembangunan pelajar dilaksanakan secara sistematik, menyeluruh serta berterusan bagi memastikan segala program dan aktiviti yang dianjurkan mencapai objektif yang ditetapkan. Kaedah pemantauan dilaksanakan melalui beberapa pendekatan yang telah diselaraskan di peringkat universiti. Semua aktiviti pelajar direkodkan **Google Calendar (bukti 1)** yang **menyimpan maklumat lengkap berkaitan nama persatuan, nama program, tarikh Program, masa Program, tempat Program, nama Pengarah Program (Student ID) dan nombor telefon pengarah program.**

Setiap penganjuran aktiviti diwajibkan menyediakan **laporan rasmi (bukti 2)** yang **mengandungi objektif, hasil capaian, analisis kekuatan dan kelemahan, serta cadangan penambahbaikan**. Di samping itu, pemantauan lapangan turut dilaksanakan melalui kehadiran pegawai Hal Ehwal **Pelajar (HEP) (bukti 3)** atau penasihat kelab/persatuan semasa program berlangsung bagi memastikan pematuhan terhadap SOP keselamatan dan garis panduan universiti sentiasa terjamin. Dari sudut kekerapan, pemantauan dilaksanakan secara berterusan sepanjang program melalui penglibatan pegawai penyelarasan dan penasihat program.

Setelah program selesai, **mesyuarat pascanilai (bukti 4)** akan diadakan untuk **meneliti semula keseluruhan pergerakan program yang merangkumi pencapaian indikator, masalah pelaksanaan dan cadangan intervensi**. Aspek yang diberi perhatian dalam proses pemantauan termasuk kadar penyertaan pelajar yang dianalisis mengikut program pengajian, jantina dan tahun pengajian; kepelbagaian serta keseimbangan jenis aktiviti merangkumi akademik, sahsiah dan kemahiran insaniah; keberkesanan program berdasarkan maklum balas peserta, pencapaian objektif dan tahap kepuasan; serta impak aktiviti terhadap prestasi akademik, kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kebolehpasaran graduan. Pemantauan menyeluruh terhadap aspek-aspek ini membantu pihak universiti memahami keberkesanan pendekatan yang telah dilaksanakan.

Selain itu, Bahagian Hal Ehwal Pelajar APB juga telah melaksanakan **Kursus Pengurusan Organisasi (bukti 5)** yang dianjurkan kepada ahli dan kepimpinan persatuan dalaman di bAkademi Pengajian Bahasa (APB) merupakan salah satu bentuk pemantauan tidak langsung yang memberi impak besar terhadap keberkesanan pengurusan aktiviti. Melalui kursus ini, pelajar didedahkan dengan kemahiran asas dalam merancang, melaksana dan menilai sesuatu program secara sistematik. Hal ini bukan sahaja membantu memastikan aktiviti yang dijalankan mencapai objektif yang ditetapkan, tetapi juga melatih pelajar agar lebih berdisiplin dan teratur dalam menguruskan persatuan. Selain itu, kursus ini turut berfungsi sebagai mekanisme kawalan kualiti kerana ia membekalkan ilmu tentang tatacara pelaporan, pengurusan kewangan, dan etika organisasi.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_A01_AB04_AC01_20251_F0048_AO1_AB02_20254_APB_AKNC2024_K4_4.4.1.1.pdf](#)
2. [F0048_A01_AB04_AC01_20252_F0048_AO1_AB02_20254_APB_AKNC2024_K4_4.4.1.2.pdf](#)
3. [F0048_A01_AB04_AC01_20253_F0048_AO1_AB02_20254_APB_AKNC2024_K4_4.4.1.3.pdf](#)
4. [F0048_A01_AB04_AC01_20254_F0048_AO1_AB02_20254_APB_AKNC2024_K4_4.4.1.4.pdf](#)
5. [F0048_A01_AB04_AC01_20255_F0048_AO1_AB02_20254_APB_AKNC2024_K4_4.4.1.5.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam menguruskan persatuan di bawah APB, salah satu risiko utama yang perlu diberi perhatian ialah kekangan kewangan. Persatuan bergantung kepada dana sama ada melalui yuran ahli, sumbangan luar atau **peruntukan universiti untuk membiayai program (bukti 1)**. Namun, kelewatan penyaluran dana, jumlah yang terhad atau ketiadaan penajaan boleh menjejaskan kualiti penganjuran aktiviti. Situasi ini memberi kesan secara langsung terhadap pembangunan pelajar kerana program yang dirancang terpaksa dikurangkan skopnya atau dibatalkan. **Proses tuntutan perbelanjaan kewangan yang rumit mempengaruhi perjalanan program (bukti 4)**. Selain itu, kekangan kewangan juga menghadkan akses kepada teknologi, fasiliti dan latihan profesional, sedangkan semua ini penting bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan organisasi.

Selain isu kewangan, pengurusan masa turut menjadi risiko kerana jadual **aktiviti persatuan sering bertembung dengan tugas akademik (bukti 2)**. Keadaan ini mendorong pelajar memberi keutamaan kepada pengajian berbanding komitmen persatuan, lalu menjejaskan penyertaan dan keberkesanan program. Risiko lain ialah kurangnya pengalaman kepimpinan dalam kalangan barisan pengurusan yang boleh menimbulkan masalah dalam membuat keputusan, menyelesaikan konflik dan membahagikan tugas. Jika aspek ini tidak diurus dengan baik, proses membina pelajar yang berkemahiran kepimpinan, komunikasi dan kerjasama berpasukan akan terjejas. Tambahan pula, kelemahan dalam dokumentasi seperti laporan, rekod kehadiran dan penilaian aktiviti turut menjadi risiko yang mengurangkan keberkesanan pemantauan serta menyukarkan proses penambahbaikan.

Di samping itu, risiko hubungan dalaman ahli persatuan juga wajar diberi perhatian. **Perbezaan pendapat, sikap individualistik atau komunikasi yang lemah boleh menimbulkan konflik yang merencatkan kerjasama (bukti 3)**. Konflik yang berpanjangan akan melemahkan semangat berpasukan dan menjejaskan kelancaran pembangunan pelajar. Tidak kurang penting ialah risiko luaran seperti perubahan dasar universiti, keadaan cuaca tidak menentu atau isu kesihatan awam yang boleh menjejaskan perjalanan program. Justeru, proses mengenal pasti risiko sejak awal sangat penting untuk memastikan persatuan dapat merangka plan mitigasi bersesuaian. Dengan pengurusan risiko yang teratur, persatuan dapat berfungsi lebih cemerlang dan terus menjadi platform berkesan dalam melahirkan pelajar berdaya tahan, berdisiplin serta mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_A01_AB04_AC02_20251_F0048_AO1_AB02_20254_APB_AKNC2024_K4_4.4.2.1.pdf](#)
2. [F0048_A01_AB04_AC02_20252_F0048_AO1_AB02_20254_APB_AKNC2024_K4_4.4.2.2.pdf](#)
3. [F0048_A01_AB04_AC02_20253_F0048_AO1_AB02_20254_APB_AKNC2024_K4_4.4.2.3.pdf](#)
4. [F0048_A01_AB04_AC02_20254_F0048_AO1_AB02_20254_APB_AKNC2024_K4_4.4.2.4.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Setiap program pembangunan pelajar yang dijalankan oleh Akademi Pengajian Bahasa (APB) perlu melalui proses kajian semula dan tindakan penambahbaikan bagi memastikan pengurusan pelajar lebih berkesan serta hasil pembangunan pelajar mencapai tahap optimum. Proses ini dilaksanakan melalui kaedah mesyuarat post-mortem, semakan laporan dan analisis maklum balas pelajar. Pendekatan ini membolehkan kelemahan dikenalpasti sekaligus membuka ruang bagi tindakan penambahbaikan yang bersesuaian.

Bagi hasil yang melibatkan aspek akademik dan pengantarabangsaan, APB sentiasa menilai semula keberkesanan program seperti APPLES Affinity Forum serta program pengantarabangsaan pelajar. Maklum balas dikumpulkan melalui soal selidik Google Form dan laporan bertulis. Antara penambahbaikan yang diambil termasuklah melanjutkan tempoh pendaftaran program, memperbanyak saluran hebahan dan menyelaraskan jadual program dengan aktiviti akademik pelajar (Bukti 1). Usaha ini penting bagi memastikan pengurusan program lebih tersusun dan meningkatkan penyertaan pelajar dalam aktiviti berimpak antarabangsa.

Program-program yang melibatkan kesejahteraan dan kebajikan pelajar seperti CEO Talk, Hari Keusahawanan serta bantuan kebajikan Mahabbah Ramadan dan Kongsi Rezeki, cabaran utama adalah kekurangan promosi dan tempoh penyertaan yang singkat. Oleh itu, tindakan penambahbaikan yang diambil adalah dengan memanjangkan tempoh pendaftaran (Bukti 2), peluasan maklumat program lebih awal serta menggunakan media sosial rasmi APB bagi meningkatkan keterlihatan maklumat (Bukti 3). Hal ini dapat meningkatkan keterlihatan program serta menggalakkan penyertaan secara lebih meluas. Selain itu, laporan penyaluran bantuan yang telus turut diperkukuhkan bagi menambahkan keyakinan warga APB terhadap pengurusan kebajikan pelajar (Bukti 4).

Selain daripada itu, bagi aspek tanggungjawab sosial dan komuniti, program seperti SULAM Lombok dan IYM Camp: Inspire Young Minds, APB menekankan keberkesanan pengurusan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan. Maklum balas daripada peserta dianalisis untuk mengenalpasti aspek penambahbaikan. Selain mengambil langkah untuk memanjangkan tempoh program, perkongsian pengalaman pasca program (mesyuarat post-mortem) (Bukti 5) juga dijalankan bagi meningkatkan keberkesanan program di samping memastikan pembangunan pelajar berlaku secara holistik, selari dengan misi UiTM untuk melahirkan graduan berkualiti di peringkat global.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_A01_AB04_AC03_20251_APB_AKNC2024_K4_4.4.3.1.pdf](#)
2. [F0048_A01_AB04_AC03_20252_APB_AKNC2024_K4_4.4.3.2.pdf](#)
3. [F0048_A01_AB04_AC03_20253_APB_AKNC2024_K4_4.4.3.3.pdf](#)
4. [F0048_A01_AB04_AC03_20254_APB_AKNC2024_K4_4.4.3.4.pdf](#)
5. [F0048_A01_AB04_AC03_20255_APB_AKNC2024_K4_4.4.3.5.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi dalam aspek pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan di Akademi Pengajian Bahasa (APB) dilaksanakan melalui penyelarasan berterusan antara data pencapaian, perancangan strategik universiti serta pelaksanaan program di peringkat pelajar. Hasil pengukuran dan analisis Indikator Prestasi (PI) yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) bukan sahaja dilaporkan sebagai pencapaian, malah turut dipadukan dalam perancangan program dan dasar pembangunan pelajar agar selari dengan Pelan Strategik UiTM 2025, Dasar Kualiti HEP dan Model Pemeraksanaan Graduan UiTM. Proses integrasi ini dapat dilihat melalui pelbagai inisiatif seperti penyelarasan program SULAM Lombok (Bukti 1), APPLES Affinity Forum (Bukti 2), CEO Talk (Bukti 3) dan Embracing Section 7's Community Connection (Bukti 4) yang bukan sahaja memenuhi PI, bahkan menyokong pembinaan sahsiah, kepimpinan, kebolehpasaran serta keterlihatan global pelajar APB. Selain itu, pemantauan sistematik melalui laporan rasmi, Google Calendar (Bukti 5), post-mortem (Bukti 5) dan maklum balas pelajar (Bukti 2) diproses secara menyeluruh sebelum dimasukkan semula ke dalam perancangan program berikutnya. Kaedah ini memastikan setiap penambahbaikan tidak terhenti pada tahap cadangan semata-mata, tetapi benar-benar diurusperdanakan dalam sistem pengurusan pelajar. Malah, integrasi turut diperkukuhkan dengan keterlibatan semua pemegang taruh iaitu pengurusan fakulti, jawatankuasa induk JHEP (APB), penasihat kelab, pegawai HEP, para pelajar dan komuniti luar yang sama-sama menyumbang input untuk keberkesanan sesuatu program. Secara keseluruhan, integrasi ini membuktikan bahawa pengurusan pengetahuan di APB bersifat inklusif, sistematik dan konsisten serta memberi impak langsung terhadap kecemerlangan pelajar di peringkat lokal mahupun global, sekali gus memperkukuh agenda UiTM sebagai universiti bertaraf antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_A01_AB05_20251_LAPORAN PROGRAM PI027 SULAM LOMBOK.pdf](#)
2. [F0048_A01_AB05_20252_LAPORAN AKHIR APPLES Affinity Forum.pdf](#)
3. [F0048_A01_AB05_20253_LAPORAN PEMBANGUNAN KERJAYA \(PI030\).pdf](#)
4. [F0048_A01_AB05_20254_LAPORAN dan GAMBAR GLOBAL UNITY_EMBRACING SECTION 7'S COMMUNITY CONNECTION \(PI028\) \(1\).docx.pdf](#)
5. [F0048_A01_AB05_20255_Penggunaan Google Calander, Panggilan Raptai dan Pascanilai.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Sumber Manusia Akademi Pengajian Bahasa (APB) bagi Pembangunan Pelajar telah memainkan peranan yang penting dalam memastikan kelancaran pelbagai program dan aktiviti Hal Ehwal Pelajar (HEP) APB, sejajar dengan usaha memenuhi Falsafah Pembangunan Mahasiswa yang cemerlang. Bagi memastikan tenaga kerja diurus secara cekap dan optimum, organisasi perlu memberi penekanan kepada aspek perancangan (**Plan**), pelaksanaan (**Do**), pemantauan (**Check**) serta penambahbaikan (**Act**) dalam Bidang Tumpuan (BT) sumber manusia.

Daripada 11 Strategi dan Pelaksanaan yang telah disusun oleh APB, BT Sumber Manusia termasuk dalam hasil utama **KESEJAHTERAAN DAN KEBAJIKAN PELAJAR**. Dalam hasil utama itu tadi, terdapat tiga pecahan sub-hasil iaitu **hasil aktiviti pembangunan dan kerjaya pelajar, hasil program inovasi dan keusahawanan pelajar dan hasil sumbangan dan bantuan pelajar**. Melalui ketiga-tiga sub-hasil ini, HEP APB telah mengadakan pelbagai program, strategi perancangan dan aktiviti yang akan dibincangkan seterusnya.

Terdapat **lima strategi perancangan (Plan)** yang berkaitan dengan BT sumber Manusia bagi Pembangunan Pelajar iaitu:

- 1) APB-SISWASUKMA**
- 2) APB-SISWAWIJAYA**
- 3) APB-SISWABIZ**
- 4) MAHABBAH RAMADAN**
- 5) TABUNG KEBAJIKAN PELAJAR**

Strategi **Perancangan (Plan)** yang pertama iaitu **APB-SISWASUKMA** adalah untuk mengintegrasikan pendidikan akademik dengan menyalurkan khidmat bakti kepada masyarakat. Mahasiswa tidak hanya belajar di dalam bilik kuliah, tetapi turut mengaplikasikan pengetahuan mereka untuk menyelesaikan masalah praktikal dan meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat sekitar. Seterusnya, strategi perancangan **APB-SISWAWIJAYA** memainkan peranan dalam memberi sokongan untuk pembentukan karakter serta pembangunan kerjaya mahasiswa dengan menyediakan pembelajaran praktikal, peluang kerjaya dan pembinaan kemahiran yang diperlukan untuk memasuki pasaran kerja dengan lebih yakin. Strategi perancangan **APB-SISWABIZ** pula diwujudkan supaya dapat membangkitkan kreativiti, inovasi dan keusahawanan dengan memberi peluang kepada pelajar untuk membangunkan idea perniagaan baru dan melaksanakannya dalam konteks sebenar. Strategi perancangan seterusnya di bawah program bantuan pelajar iaitu **MAHABBAH RAMADAN** adalah memfokuskan kepada aktiviti kerohanian contohnya tadarus al-Quran dan pertandingan video kreatif Ramadhan yang bertujuan untuk mengimarahkan bulan Ramadhan. Akhir sekali, **TABUNG KEBAJIKAN PELAJAR** merupakan sebuah program dengan konsep *Foodbank* yang dijalankan di peringkat fakulti yang telah dikendalikan oleh pihak Sekretariat Mahasiswa Fakulti Akademi Pengajian Bahasa (SMFAPB) dengan tujuan sebagai salah satu inisiatif bagi meringankan beban mahasiswa APB yang kurang berkemampuan untuk membeli barangan makanan dan keperluan harian.

Selepas pelaksanaan pelbagai aktiviti dalam program-program tersebut, pihak pengurusan APB telah melaksanakan **Pemantauan (Check)** untuk menilai kesan dan keberkesanan program-program yang telah dijalankan. Kepuasan hati turut dinilai melalui pemantauan berperingkat terhadap pengoperasian Pengajaran dan Pembelajaran, termasuk usaha penambahbaikan dan pengubahsuaian fasiliti di sekitar bangunan APB. Pemantauan setiap aktiviti pelajar dan staf dibuat melalui pelaporan yang dibentangkan dalam **Mesyuarat Staf Akademik** dan **Mesvuarat PPSM**. Selain itu, kegembiraan dan kepuasan hati staf APB

(Akademik dan Pentadbiran) dapat dilihat dalam **laporan Infografik Happiness Index**.

Akhir sekali, bagi memastikan persekitaran dan sistem kerja yang lebih kondusif supaya pelbagai program dan aktiviti staf akademik dan pentadbiran bersama para pelajar dapat berjalan dengan lancar, beberapa usaha **Penambahbaikan (Act)** telah dijalankan. **Sesi Townhall bersama Dekan, Majlis Amanat Dekan dan Mesyuarat Akademik** diadakan bagi membincangkan perkara berbangkit dan masalah yang dihadapi. APB turut menerbitkan **E-Buletin Lingua Phoria APB** bagi berkongsi segala aktiviti dan pencapaian staf akademik dan pentadbiran bersama dengan para pelajar.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Beberapa kaedah pengurusan sumber manusia yang sistematik dan berstruktur telah dilaksanakan oleh pihak pengurusan Akademi Pengajian Bahasa (APB) UiTM Shah Alam.

Pelaksanaan ini memberi tumpuan kepada tiga aspek utama iaitu pembangunan akademik dan kerjaya pelajar, inovasi dan keusahawanan serta kebajikan dan bantuan pelajar.

Daripada aspek pembangunan akademik, program *Pemantapan Destini Siswa (PDS)* telah dilaksanakan pada setiap awal semester. Program ini tidak hanya memperkenalkan mahasiswa baharu kepada pengurusan fakulti, pensyarah dan barisan kepimpinan pelajar, malah berfungsi sebagai platform pembentukan jaringan sosial serta motivasi akademik. **Strategi ini menekankan aspek hubungan interpersonal, motivasi, dan bimbingan awal** bagi memastikan mahasiswa baru dapat menyesuaikan diri dengan lebih efektif dan proaktif.

Selain itu, pelaksanaan *Majlis Anugerah Dekan dan Anugerah Tokoh Siswa APB* dilaksanakan bagi merangsang motivasi pelajar. **Majlis ini dilaksanakan sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada pencapaian akademik pelajar**, seterusnya menyuntik persaingan sihat dalam kalangan mereka.

Aspek pembangunan kerjaya turut diberi perhatian dengan penganjuran program *Career Talk* dan *Karnival Pembangunan Kerjaya (CEO Talk)*. Program ini membantu pelajar dalam memahami realiti alam pekerjaan, prospek kerjaya dan kemahiran insaniah serta penyediaan diri untuk menghadapi temuduga. APB juga bekerjasama dengan pihak industri FGV Holdings berhad. **Strategi ini menekankan pendekatan “penglibatan industri” yang berfokus kepada pengukuhan kebolehpasaran graduan APB.**

Pengurusan APB juga telah memberi fokus kepada **pembinaan kemahiran inovatif dan semangat kesukarelawanan dalam kalangan pelajar** iaitu melalui pelaksanaan program antarabangsa *SULAM: A Bridge Between Two Worlds* di Universitas Mataram. Program ini memberi peluang kepada pelajar untuk berkongsi ilmu, silang bahasa dan budaya serta kerja amal. Melalui pembelajaran seperti ini, para pelajar bukan sahaja terdedah kepada pengalaman di luar negara, tetapi turut meningkatkan penguasaan bahasa, pemahaman budaya, kepimpinan, kesukarelawanan serta kemahiran sosial. **Program ini memperkasakan budaya ilmu dan merangsang pemikiran kritis dalam kalangan pelajar, di samping menekankan pembelajaran sepanjang hayat, kerjasama antarabangsa dan pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari.**

Kedah pengurusan sumber manusia juga diterapkan melalui penganjuran *Hari Keusahawanan* yang memberi pendedahan kepada pelajar mengenai ilmu keusahawanan iaitu; strategi perniagaan, pemasaran terkini dan peluang pasaran semasa. Program ini menggabungkan ceramah dengan pengalaman praktikal menguruskan gerai jualan. **Strategi ini mementingkan pembentukan “pemikiran keusahawanan” untuk melahirkan graduan yang mampu berdikari, berdaya saing dan berdaya tahan.**

Akhir sekali, pengurusan APB memberi tumpuan kepada kebajikan pelajar melalui program *Mahabbah Ramadan* dan *Kongsi Rezeki*. Program ini merangkumi tadarus al-Quran, sumbangan berbuka puasa dan duit raya serta agihan makanan dan barangan hasil sumbangan pensyarah. **Usaha ini bertujuan bagi meringankan beban kewangan mahasiswa berpendapatan rendah, dan memupuk nilai kasih sayang, kebersamaan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan mahasiswa.**

Secara keseluruhannya, kaedah pengurusan sumber manusia yang dilaksanakan oleh APB UiTM Shah Alam telah menekankan aspek strategik, sistematik dan berstruktur berdasarkan pendekatan **akademik, pembangunan kerjaya, inovasi, keusahawanan serta kebajikan pelajar**. Pendekatan ini dilaksanakan dengan harapan dapat menjayakan pengurusan dan pembangunan pelajar.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_S01_SB02_20251_APB_AKNC2024_5.2.1_K05.pdf](#)
2. [F0048_S01_SB02_20252_APB_AKNC2024_5.2.2_K05.pdf](#)
3. [F0048_S01_SB02_20253_APB_AKNC2024_5.2.3_K05.pdf](#)
4. [F0048_S01_SB02_20254_APB_AKNC2024_5.2.4_K05.pdf](#)
5. [F0048_S01_SB02_20255_APB_AKNC2024_5.2.5_K05.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pihak pengurusan Akademi Pengajian Bahasa (APB) UiTM Shah Alam telah mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan pengurusan dan pembangunan pelajar. Ini dapat dilihat daripada pelbagai inisiatif/program yang telah memberi manfaat kepada warga kerja APB, pelajar, komuniti serta industri. Program- program ini terdiri daripada **aktiviti pembangunan dan kerjaya pelajar, program inovasi dan keusahawanan pelajar serta sumbangan dan bantuan pelajar.**

Salah satu program pembangunan pelajar adalah ***Pemantapan Destini Siswa*** yang telah dianjurkan pada setiap semester oleh Sekretariat Mahasiswa Fakultas Akademi Pengajian Bahasa (SMFAPB) dengan kerjasama Hal Ehwal Pelajar (HEP) APB. **Program ini telah menggunakan kepakaran akademik serta pengalaman pengurusan** daripada barisan pensyarah dan pentadbir fakulti dalam memberi pendedahan awal berkenaan kursus, hala tuju pengajian dan latar belakang akademi. Selain itu, **pengalaman warga kerja dan urus setia** program turut dimanfaatkan dalam aspek teknikal dan pengurusan acara yang memberi latihan praktikal kepada pelajar.

Program ***Majlis Anugerah Dekan dan Anugerah Tokoh Siswa APB*** mengoptimalkan **kepakaran dan pengalaman urus setia pelajar.** Pelajar mendapat latihan langsung dalam aspek teknikal, logistik, dokumentasi dan kerjasama pasukan yang secara tidak langsung menyokong pembangunan dan kemahiran insaniah dan profesionalisme pelajar APB.

Selain itu, program ***Career Talk*** mengoptimalkan **kepakaran alumni LG240 sebagai ceramah jemputan di samping penglibatan urus setia pelajar.** Alumni memanfaatkan kepakaran kerjaya mereka dalam berkongsi pengalaman sebenar, prospek pekerjaan serta kemahiran di alam kerja. Manakala, pelajar kelab mengurus aspek teknikal serta promosi. Manakala, program ***CEO Talk*** pula telah menjemput CEO dan **pemimpin industri FGV Holdings Berhad** bagi berkongsi realiti pekerjaan, cabaran dan peluang kerjaya. Kolaborasi ini membuktikan bahawa **APB memanfaatkan kepakaran alumni dan pemimpin industri bagi menyokong pembangunan kerjaya serta kebolehpasaran graduan.**

SULAM: A Bridge Between Two Worlds memanfaatkan **kepakaran pensyarah sebagai penasihat dan penyelarasan utama program** dengan menggunakan pengalaman dalam bidang akademik dan pengurusan antarabangsa. Manakala, **pelajar UiTM berperanan sebagai fasilitator aktiviti,** mengaplikasikan kemahiran pengajaran melalui microteaching, perkongsian bahasa dan pendekatan interaktif seperti permainan tradisional serta kuiz sejarah. Penglibatan ini telah memperkasakan budaya ilmu, mengukuhkan kompetensi komunikasi, kepimpinan dan semangat kesukarelawanan mahasiswa. **Kolaborasi dengan institusi luar negara di Universitas Mataram menyerlahkan keupayaan APB dalam jaringan akademik antarabangsa dan menyokong pembelajaran sepanjang hayat dan pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari.**

Pengurusan APB juga telah memanfaatkan **kepakaran pensyarah, staf pengurusan dan urus setia** dalam menjayakan program kerohanian dan kebajikan. Program ***Mahabbah Ramadan*** dan ***Kongsi Rezeki*** telah menampakkan **sumbangan pensyarah dan staf dalam penyelarasan program, pengurusan kewangan dan kebajikan mahasiswa.** Manakala, urus setia pelajar mengaplikasikan kemahiran organisasi, komunikasi digital dan logistik bagi menjayakan pelaksanaan aktiviti. **Program ini bermanfaat dalam memperkasa sahsiah pelajar, kreativiti dan kepedulian sosial warga APB.**

Kesimpulannya, inisiatif serta program yang telah dilaksanakan membuktikan bahawa pihak pengurusan APB telah mengoptimalkan kepakaran pensyarah, pelajar, alumni dan kepakaran pemimpin industri bagi menjayakan pembangunan dan pengurusan pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_S01_SB03_20251_APB_AKNC2024_5.3.1_K05.pdf](#)
2. [F0048_S01_SB03_20252_APB_AKNC2024_5.3.2_K05.pdf](#)
3. [F0048_S01_SB03_20253_APB_AKNC2024_5.3.3_K05.pdf](#)
4. [F0048_S01_SB03_20254_APB_AKNC2024_5.3.4_K05.pdf](#)
5. [F0048_S01_SB03_20255_APB_AKNC2024_5.3.5_K05.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepuasan hati dan aduan daripada warga APB terhadap persekitaran serta sistem kerja merupakan indikator penting dalam menilai keberkesanan operasi di APB. Penilaian ini tidak hanya melibatkan staf semata-mata, malah turut mengambil kira pengalaman dan pandangan pelajar yang terlibat dalam pelbagai aktiviti akademik serta kokurikulum. Setiap maklum balas serta aduan diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak pengurusan kerana ia berperanan dalam mengenal pasti aspek yang memerlukan penambahbaikan, memperkukuh keberkesanan proses sedia ada, meningkatkan mutu perkhidmatan serta mewujudkan suasana kerja dan pembelajaran yang lebih kondusif serta progresif.

Bagi memastikan program berjalan lancar, teratur dan selari dengan KPI universiti, APB melaksanakan **pemantauan secara berterusan melalui Mesyuarat Jabatan dan Mesyuarat Staf Akademik yang diadakan secara berkala**. Pemantauan ini dilaksanakan melalui pembentangan pelaporan aktiviti staf dan pelajar dalam mesyuarat berkenaan. Pada masa yang sama, Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) turut menjadi mekanisme utama dalam menilai tahap penglibatan staf terhadap program pembangunan profesional, sama ada melalui latihan dalaman mahupun luaran, termasuk kursus pembangunan profesional, seminar, bengkel akademik dan aktiviti peningkatan kemahiran yang lain. Usaha bersepadu ini membolehkan warga akademik meningkatkan kompetensi serta motivasi kerja, sekali gus menyumbang kepada keberkesanan penglibatan pelajar dalam aktiviti akademik, kokurikulum dan pembangunan sahsiah.

Selain itu, APB turut **menyediakan saluran aduan dan maklum balas bagi menilai tahap kepuasan pelajar dan staf melalui Google Form di platform atas talian**. Aspek kepuasan pengguna juga dipantau melalui kualiti pengajaran, pembelajaran dan kemudahan perkhidmatan rangkaian seperti internet/wifi, platform hybrid, kualiti peralatan, bilik kegiatan pelajar, ruang pembelajaran kondusif dan fasiliti mesra OKU. Segala aduan atau maklum balas yang diterima melalui Facebook, Instagram, Twitter atau e-mail akan dibincangkan dalam mesyuarat untuk tujuan penambahbaikan dan tindakan susulan.

Di samping itu, **Laporan Infografik Happiness Index menunjukkan tahap kegembiraan dan kepuasan dalam kalangan staf akademik serta pentadbiran**. Tahap kepuasan ini bukan sahaja mendorong peningkatan motivasi dalam melaksanakan tugas, malah turut mewujudkan persekitaran kerja yang lebih positif. Keadaan ini seterusnya memberi impak langsung terhadap suasana pembelajaran yang lebih kondusif dan berkesan, sekali gus menyokong usaha APB dalam memperkukuh pembangunan pelajar secara menyeluruh.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_S01_SB04_SC01_20251_APB_AKNC_2024_K05_5.4.1.1.pdf](#)
2. [F0048_S01_SB04_SC01_20252_APB_AKNC_2024_K05_5.4.1.2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

i) Pelaksanaan Sistem Pengurusan Risiko

APB melaksanakan sistem pengurusan risiko yang sistematik bagi menghadapi kemungkinan yang menjejaskan kelancaran pengurusan, khususnya aspek sumber manusia. Mesyuarat Risiko diadakan dua (2) kali setahun sebagai platform pembentangan laporan dan penilaian tindakan yang diambil. Pelaksanaan ini meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, terutamanya dalam pembelajaran dan pengurusan pelajar. Usaha ini turut diperkukuh melalui penubuhan Jawatankuasa Khas dengan penglibatan staf Pentadbiran dan Akademik. Di samping itu, Unit Pengurusan Risiko APB juga melaksanakan pemantauan serta semakan berkala setiap enam bulan bagi mengawal tahap risiko dan meminimumkan impaknya.

ii) Langkah Proaktif Menangani Risiko

APB telah mengenal pasti jenis serta tahap risiko, seterusnya merangka pelan kawalan dan tindakan susulan yang didaftarkan dalam sistem eRMS 2024 (Lampiran 5.4.2.1). Sehubungan itu, pihak pengurusan telah mengambil langkah proaktif dan pencegahan dalam menangani risiko berkenaan, termasuk isu jaringan alumni yang masih sukar direalisasikan, khususnya melibatkan alumni yang telah lama meninggalkan APB. Selain itu, penglibatan staf dalam aktiviti Unit Kualiti juga didapati kurang memberangsangkan. Bagi mengatasi masalah ini, antara langkah yang dilaksanakan termasuk mewajibkan pensyarah muda untuk terlibat dalam aktiviti berkaitan kualiti seperti penyelidikan, pembangunan kurikulum dan kursus audit.

iii) Keselamatan Pelajar Latihan Industri

Bagi isu keselamatan pelajar Latihan Industri, langkah kawalan telah dilaksanakan melalui taklimat keselamatan kepada pelajar dan pengiring sebelum sebarang aktiviti dijalankan, khususnya berkaitan aspek keselamatan di tempat latihan. Pemantauan prestasi dan kebajikan pelajar turut dibuat secara bulanan, manakala setiap pensyarah pula diwajibkan melaksanakan sekurang-kurangnya satu lawatan ke lokasi latihan sepanjang tempoh berkenaan. Di samping itu, bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap optimum, perbincangan bersama pihak pengurusan eksekutif turut diadakan bagi membincangkan peruntukan dana di peringkat fakulti, khususnya melibatkan penyenggaraan serta penambahbaikan fasiliti pelajar.

iv) Sokongan Dana & Keusahawanan Pelajar

Dalam usaha menangani isu dana atau geran daripada syarikat berdaftar bagi menyokong pelajar yang ingin menceburi bidang keusahawanan, pihak pengurusan telah mengenal pasti kerjasama dengan industri yang mempunyai MOU/MOA bersama APB bagi tujuan mendapatkan geran latihan keusahawanan. Antara langkah kawalan yang diambil termasuk menjemput Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai kaedah pengurusan dan proses pendaftaran perniagaan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_S01_SB04_SC02_20251_APB_AKNC_2024_K05_5.4.2.1.pdf](#)
2. [F0048_S01_SB04_SC02_20252_APB_AKNC_2024_K05_5.4.2.2.pdf](#)
3. [F0048_S01_SB04_SC02_20253_APB_AKNC_2024_K05_5.4.2.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

i) Pemantauan Fasilitas dan Persekitaran Kerja

Bagi memastikan persekitaran dan sistem kerja yang kondusif, pihak pengurusan APB sentiasa melaksanakan pemantauan berjadual terhadap fasiliti pejabat, bilik kuliah serta ruang pembelajaran yang digunakan oleh warga akademik dan pelajar. Antara langkah yang diambil termasuklah penyelenggaraan berkala kelengkapan ICT seperti penyelenggaraan makmal komputer sebanyak dua kali setahun semasa cuti semester, penambahbaikan capaian wifi untuk staf dan pelajar, penyediaan ruang kerja dan pembelajaran yang lebih praktikal dan selesa serta mesra pengguna. Usaha ini dilaksanakan secara berterusan agar warga APB dapat melaksanakan tugas dengan lebih efisien, di samping mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif, teratur dan selamat kepada pelajar. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan produktiviti dan keselesaan staf, malah turut menyokong kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran pelajar di APB.

ii) Penggunaan Platform Digital dalam Sistem Kerja

Sistem kerja turut diperkemas melalui penggunaan platform digital seperti kemudahan tempahan makmal komputer dan *smart classroom* menerusi sistem **units.uitm.edu.my** dan **bsu.uitm.edu.my**, pengurusan surat-menyurat, rekod kehadiran serta dokumentasi rasmi. Pendekatan ini bukan sahaja mempercepatkan proses pentadbiran, malah meningkatkan kecekapan serta memastikan maklumat diakses dengan lebih sistematik. Pihak pengurusan juga memberi perhatian terhadap maklum balas staf dan pelajar yang diterima melalui pelbagai saluran seperti e-mel, WhatsApp dan telefon. Aduan teknikal, contohnya capaian internet yang perlahan telah ditangani dengan pemasangan *access point* tambahan di blok pengajaran bagi menjamin kelancaran PdP secara bersemuka mahupun hibrid.

iii) Maklum Balas dan Penambahbaikan Berterusan

Setiap maklum balas dibincangkan secara teliti dalam mesyuarat jabatan, mesyuarat pentadbiran serta sesi *townhall* bersama Dekan sebelum tindakan penambahbaikan dilaksanakan. Di samping itu, hasil soal selidik yang diedarkan turut dijadikan asas dalam merangka cadangan penambahbaikan seterusnya.

iv) Penghargaan dan Motivasi Staf

Pengurusan turut menitikberatkan aspek penghargaan dan motivasi staf dengan menyebarkan maklumat berkaitan aktiviti serta pencapaian melalui e-mel rasmi APB, media sosial dan buletin **Lingua Phoria**. Langkah ini bukan sahaja berfungsi sebagai pengiktirafan yang meningkatkan semangat dan rasa bangga warga APB, malah turut memupuk budaya kerja positif, kolaboratif dan berdaya saing. Inisiatif ini seterusnya memberi kesan kepada pembangunan pelajar kerana staf yang lebih bermotivasi dan produktif mampu menyampaikan pengajaran dengan lebih kreatif, berkesan dan berinovasi sekaligus mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan menyeronokkan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_S01_SB04_SC03_20251_APB_AKNC_2024_K05_5.4.3.1.pdf](#)
2. [F0048_S01_SB04_SC03_20252_APB_AKNC_2024_K05_5.4.3.2_LINGUA PHORIA ISSUE 5 \(MAY - AUGUST 2024\).pdf](#)
3. [F0048_S01_SB04_SC03_20253_APB_AKNC_2024_K05_5.4.3.3_LINGUA PHORIA ISSUE 6 \(SEPTEMBER - DECEMBER 2024\).pdf](#)
4. [F0048_S01_SB04_SC03_20254_APB_AKNC_2024_K05_5.4.3.4_LINGUA PHORIA ISSUE 4 \(2024\).pdf](#)
- 5.

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

APB sentiasa memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada sumber manusia iaitu pelajar dan staf dengan pelbagai cara. Budaya penghargaan terhadap kecemerlangan telah membudayakan nilai motivasi dan memberi aspirasi yang tinggi. Di bawah **Program Pembangunan Pelajar**, terdapat pelbagai aktiviti yang telah dianjurkan. Antaranya ialah **Pemantapan destini siswa APB** yang berlangsung untuk dua sesi pada 21 Mac 2024 dan 9 Oktober 2024 yang bertujuan untuk menyambut kedatangan mahasiswa baru ke APB. Aktiviti-aktiviti lain yang dianjurkan ialah **Majlis Anugerah Dekan dan Anugerah Tokoh Siswa APB 2024** yang telah dijalankan pada 16 Mei 2024. **Majlis Anugerah Dekan** sekali lagi diadakan untuk sesi Mac-Ogos 2024 pada 5 Disember 2024. Majlis ini bertujuan untuk memberi penghargaan kepada mahasiswa APB yang cemerlang serta memberikan pengiktirafan kepada mantan ahli kelab persatuan dalaman dan Majlis Perwakilan Pelajar Akademi Pengajian Bahasa sesi 2022/2023.

HEP APB juga turut menganjurkan **Program Kerjaya Pelajar** dan terdapat dua aktiviti yang dianjurkan iaitu **Career talk- Professional Insight for Future endeavours** pada 7 Jun 2024 dan **Karnival Pembangunan Kerjaya (CEO Talk)** pada 13 Jun 2024. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk memberi pencerahan kepada pelajar mengenai keadaan sebenar di alam pekerjaan serta prospek kerjaya yang boleh diceburi.

Bagi **Program Inovasi Pelajar dan Program Keusahawanan Pelajar**, aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah **SULAM: A bridge between two worlds – Program lawatan: Perkongsian Ilmu, Silang Bahasa (SULAM) dan kerja amal ke Universitas di Mataram** pada 28 September-5 Oktober 2024 dan **Hari Keusahawanan** pada 13-14 Disember 2024.

Dari segi kemudahan pelajar-pelajar, penambahbaikan fasiliti juga telah memberi impak positif kepada budaya pembelajaran pelajar. Penyediaan ruang rehat dengan kerusi lebih selesa, penapis air Coway, serta kemudahan makanan ringan di sekitar kelas di Kenanga meningkatkan keselesaan dan mendorong pelajar untuk berinteraksi, berbincang dan belajar secara kolaboratif. Selain itu, di bawah **Program Bantuan Pelajar** pihak HEP telah menyediakan **Tabung Kebajikan Pelajar** iaitu menyediakan *Foodbank* dengan tujuan untuk meringankan beban mahasiswa APB yang kurang berkemampuan.

Seiring dengan usaha memperkukuh pembangunan pelajar, pelbagai penambahbaikan dan inisiatif telah membudayakan amalan positif dalam kalangan warga APB. Antara inisiatif utama ialah penerbitan **E-Buletin Lingua Phoria**, yang memaparkan himpunan kisah-kisah kejayaan, kecemerlangan dan pencapaian pelajar dan staf akademik serta jaringan kerjasama warga APB sepanjang tahun 2024.

Bagi mengeratkan hubungan silaturahmi sesama warga APB dan meraikan kegembiraan meraikan Hari Raya Aidilfitri, APB sentiasa mengadakan **Jamuan Sambutan Hari Raya pada setiap tahun**. Sambutan diadakan di perkarangan APB dan telah dihadiri oleh pelajar dan staf APB, pesara, alumni dan rakan-rakan kerjasama APB. APB juga sentiasa menghargai dan menekankan motivasi dan dedikasi kakitangan terhadap keseluruhan kualiti perkhidmatan dalam jabatan. Oleh itu, setiap tahun APB akan menganjurkan **Majlis Apresiasi Staf & Pesara APB** untuk meraikan staf yang cemerlang dan pesara yang telah meninggalkan perkhidmatan sebagai kakitangan kerajaan di APB.

Secara keseluruhan, penambahbaikan dan pengiktirafan yang dijalankan di APB telah membudayakan nilai kecemerlangan akademik, kepimpinan, kerjasama dan kesejahteraan holistik dalam kalangan pelajar. Tahap integrasi ini jelas menunjukkan bahawa setiap inisiatif bukan sekadar aktiviti sementara, tetapi telah menjadi **budaya yang konsisten dan menyokong Falsafah Pembangunan Mahasiswa** secara berterusan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_S01_SB05_20251_PEMANTAPAN BELAJARAN DAN KONGRES 2024.pdf](#)
2. [F0048_S01_SB05_20252_MAJLIS ANUGERAH DEKAN & ANUGERAH TOKOH SISWA 2024.pdf](#)
3. [F0048_S01_SB05_20253_CAREER TALK_ PROFESSIONAL INSIGHT FOR FUTURE ENDEAVOURS POSTER 7 Jun 2024.pdf](#)
4. [F0048_S01_SB05_20254_Surat Balas APB UiTM dari UNW Mataram.pdf](#)
5. [F0048_S01_SB05_20255_APB KONGSI REZEKI 28 MAC 2024.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi tahun 2024, Akademi Pengajian Bahasa (APB) telah memilih Pengurusan dan Pembangunan Pelajar sebagai bidang tumpuan (BT) yang memfokuskan kepada aktiviti dari segi peningkatan kemahiran, pembangunan kerjaya, sumbangan bantuan and program komuniti pelajar. Pemilihan BT ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk mencapai aspirasi kecermelangan global seperti yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 dan Pelan Strategik Uitm 2020-2025. Pelan-pelan tersebut adalah dengan tujuan untuk mencapai hasrat UiTM untuk menjadi universiti terkemuka dunia menjelang 2025. Justeru itu, APB telah memilih untuk memfokuskan kepada tiga (3) hasil utama yang disasarkan iaitu **Hasil Pelaksanaan Strategi, Hasil Tumpuan Sumber Manusia dan Hasil Operasi**.

Perancangan APB bagi mencapai 3 hasil utama yang dinyatakan terbahagi kepada beberapa strategi perancangan dimana beberapa program telah dirancang dibawah setiap perancangan seperti berikut:

1. #APB-SISWADIWARA

- Apples Affinity Program

2. #APB-SISWA SUKMA

- Pemantapan Destini Siswa (Mac 2024)

3. #APB-SISWA WIJAYA

- Career Talk: Professional Insights for Future Endeavours

4. #MAHABAH RAMADAN

- Mahabbah Ramadan

5. #APB SISWA LOKALITI

- Projek Starlit Stories

Perluasan program-program tersebut dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang selaras dengan yang telah dinyatakan di dalam kertas kerja bagi setiap program. Model Plan, Do, Check, Act (PDCA) digunakan untuk memastikan penambahbaikan berterusan dalam setiap aktiviti dan program. Pihak pengurusan APB juga telah memastikan semua program dipantau dengan teliti untuk mencapai objektif yang ditetapkan. **Pemantauan** ini memastikan operasi memberi impak positif kepada universiti, komuniti setempat, dan industri luar, serta membantu mencegah masalah berulang. Pemantauan program dilakukan melalui laporan aktiviti, penglibatan pegawai BHEP dan penasihat program. Selain itu, maklum balas peserta juga diambil kira.

Tindakan Kenal Pasti Risiko melibatkan tindakan mengenalpasti, penilaian, dan mendaftar risiko-risiko yang boleh menghindar keberkesanan pelaksanaan operasi-operasi yang telah dirancang oleh APB. Tindakan ini dijalankan oleh Unit Pengurusan Risiko yang seterusnya akan merancang langkah kawalan yang perlu diambil bagi mengelakkan kejadian risiko tersebut. Seterusnya, tindakan **Mengkaji Semula dan Tindakan Penambahbaikan** telah dilaksanakan bagi memastikan operasi BT selaras dengan strategi melalui kajian semula berkala, bengkel proses, dan dokumentasi refleksi. Pihak pengurusan menyemak pencapaian kualiti, prestasi, dan perancangan penambahbaikan menggunakan laporan dan analisis program. Untuk menangani isu-isu yang berbangkit, pihak pengurusan APB telah membuat penambahbaikan untuk pengurangan masalah.

... dan, bagi tujuan integrasi, ini memastikan pembelajaran pelajar akan hanya mencakup aspek akademik, tetapi juga meliputi pengembangan holistik dalam berbagai dimensi kehidupan, termasuk bidang kepemimpinan, kesukarelawanan, keusahawanan, dan kesadaran terhadap isu-isu global serta kelestarian alam. Tujuan ini adalah dengan harapan pelajar akan menimba dan menggunakan ilmu yang diperoleh dari program-program yang dirancang dalam pembangunan diri masing-masing secara berterusan di dalam dan di luar universiti.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Bidang Tugas (BT) Pengurusan dan Pembangunan Pelajar, APB memberi tumpuan kepada tiga hasil utama yang diterajui oleh HEA dan HEP, iaitu:

1. dari aspek Akademik dan Pengantarabangsaan, dengan penekanan kepada Hasil Pelaksanaan Strategi;
2. dari aspek Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar, dengan penekanan kepada Hasil Tumpuan Sumber Manusia;
3. dari aspek Tanggungjawab Sosial dan Komuniti, dengan penekanan kepada Hasil Operasi.

Bagi mencapai hasil utama 1, pelbagai pengoperasian program akademik telah dirancang yang seiring dengan hala tuju universiti. Daripada itu, satu sub-hasil telah dirancang iaitu **Hasil Program Peningkatan Kemahiran Pelajar**. Bagi sub-hasil tersebut, beberapa operasi telah dirancang termasuklah **Program Kepimpinan Pelajar** melalui strategi perancangan **#APB-Siswadiwara**. Ini adalah untuk mendorong perkembangan kepemimpinan di kalangan pelajar melalui aktiviti seperti APPLES Affinity Forum yang diadakan untuk menerapkan sifat kepimpinan dan yang tinggi di dalam diri pelajar dan mempraktikkan ilmu kepimpinan yang baharu apabila melakukan tugas yang diamanahkan (Bukti 6.2.1).

Bagi mencapai hasil utama 2 pula, beberapa sub-hasil telah dirancang. Yang pertama adalah **Hasil Aktiviti Pembangunan dan Kerjaya Pelajar**. Operasi yang terlibat adalah **Program Pembangunan Pelajar** melalui strategi perancangan **#APB-Siswa Sukma**. Operasi ini bertujuan untuk mengintegrasikan pendidikan akademik dengan pengabdian kepada masyarakat melalui aktiviti seperti Pemantapan Destini Siswa (Mac – Ogos 2024) (Bukti 6.2.2). Aktiviti dijalankan dengan bertujuan untuk memperkenalkan mahasiswa baharu kepada warga Akademi Pengajian Bahasa serta kursus-kursus yang ditawarkan, membina hubungan baik dengan MPP, SMF dan kelab persatuan, serta menyuntik semangat, meningkatkan intelektual dan memudahkan urusan akademik mereka. Selain itu, operasi kedua adalah **Program Kerjaya Pelajar** melalui strategi perancangan **#APB-Siswa Wijaya**. Operasi ini adalah untuk memberi sokongan untuk pembentukan karakter serta pembangunan kerjaya mahasiswa. Salah satu aktiviti dijalankan adalah Career Talk – Professional Insight for Future Endeavours (Bukti 6.2.3). Aktiviti tersebut dijalankan dapat memberi pencerahan kepada para pelajar mengenai keadaan sebenar di alam pekerjaan serta prospek kerjaya yang boleh diceburi melalui pengalaman yang akan dikongsi oleh penceramah undangan yang juga merupakan alumni.

Yang terakhir adalah **Hasil Sumbangan dan Bantuan Pelajar** dimana **Program Bantuan Pelajar** dijalankan melalui strategi **#Mahabbah Ramadan**. Satu aktiviti dijalankan adalah Mahabbah Ramadan (Bukti 6.2.4) bagi tujuan mengimarahkan bulan Ramadan dan membantu mahasiswa yang kurang berkemampuan dan mempunyai masalah kewangan.

Bagi mencapai hasil utama 3, sub-hasil yang dirancang adalah **#APB-Siswa Lokaliti**. Operasi ini bertujuan untuk memupuk kesedaran sosial dan tanggungjawab dalam kalangan mahasiswa, serta memberi sumbangan positif kepada masyarakat setempat melalui aktiviti seperti Starlit Stories: A Reading Aloud Programme for Down Syndrome Children (Bukti 6.2.5). Aktiviti ini dijalankan untuk memperkasakan aspek kemahiran sosial dan komunikasi pelajar, serta memupuk minat membaca dalam kalangan kanak-kanak dan remaja dengan sindrom Down.

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_O01_OB02_20251_APB_AKNC2024_K6_6.2.1.pdf](#)
2. [F0048_O01_OB02_20252_APB_AKNC2024_K6_6.2.2.pdf](#)
3. [F0048_O01_OB02_20253_APB_AKNC2024_K6_6.2.3.pdf](#)
4. [F0048_O01_OB02_20254_APB_AKNC2024_K6_6.2.4.pdf](#)

5.

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Model Plan, Do, Check, Act (PDCA) digunakan oleh pihak pengurusan APB dalam melaksanakan operasi utama, dengan tujuan untuk mencapai penambahbaikan berterusan dalam setiap aktiviti dan program yang berkaitan dengan akademik dan pengantarabangsaan, kesejahteraan dan kebajikan pelajar, serta tanggungjawab sosial dan komuniti.

Fasa **Perancangan (Plan)** untuk program dan aktiviti kesejahteraan dan kebajikan pelajar APB dibuat berdasarkan Pelan Strategik Perancangan dan Pelaksanaan BHEP APB, yang meliputi: **APB-SISWA SUKMA** (program pembangunan pelajar), **APB-SISWA WIJAYA** (program kerjaya pelajar), dan **MAHABBAH RAMADAN** (program bantuan pelajar). Perancangan ini dijadikan sebagai **Indeks Pencapaian atau "Performance Index" (PI)** bagi pelaksanaan (*Do*) program-program yang dijalankan. Antara program yang mencapai PI adalah **Program "Career Talk: Professional Insights for Future Endeavours"** yang tersenarai sebagai PI030 (untuk membantu para pelajar membuat keputusan yang berpendidikan tentang laluan kerjaya mereka dengan menawarkan mereka inspirasi, nasihat, dan pandangan) (Bukti 6.3.1). Fasa **Pemantauan (Check)** terhadap pencapaian program-program pengurusan dan pembangunan pelajar dijalankan melalui maklum balas yang dikumpul daripada peserta program (Bukti 6.3.2). Laporan pencapaian tersebut dianalisis dan dibentangkan dalam mesyuarat. **Tindakan Penambahbaikan (Act)** diambil setelah maklum balas penyertaan dan dapatan post-mortem dianalisis (Bukti 6.3.3). Semua tindakan penambahbaikan dan pembetulan diputuskan dalam mesyuarat unit, bahagian, atau pengurusan atasan.

Pendekatan yang sama digunakan dalam pencapaian tanggungjawab sosial dan komuniti. **Perancangan** keberhasilan dalam bidang tanggungjawab sosial dan komuniti didaftarkan dalam Pelan Strategik Perancangan dan Pelaksanaan BHEP APB pada awal tahun. Perancangan dan **pelaksanaan** aktiviti sosial dan komuniti dijalankan untuk mengenal pasti program-program sosial dan komuniti, baik melalui peruntukan dalaman mahupun kolaborasi dengan pihak luar. Antara program sosial dan komuniti yang dijalankan adalah **"ORKIDS Reading Aloud Programme for Down Syndrome Children"** yang bertujuan untuk memberi peluang kepada sukarelawan berinteraksi dengan kanak-kanak dan remaja dengan sindrom Down. Pelaksanaan program-program sosial dan komuniti bermula dengan pelantikan dan pengambilan ahli jawatankuasa program dan sukarelawan. Pencapaian program-program ini **dipantau** melalui maklum balas yang diberikan oleh sukarelawan, yang dihantar melalui Google Forms. Tindakan penambahbaikan dibuat dalam mesyuarat bahagian, atau pengurusan atasan.

Perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti akademik dan pengantarabangsaan dibuat dengan teratur dan kerjasama semua pihak. Antara program akademik dan pengantarabangsaan yang dilaksanakan pada tahun 2024 adalah **"APPLES Affinity Forum"** (Bukti 6.3.4) dengan tujuan untuk menerapkan sifat kepimpinan dan yang tinggi di dalam diri semua pelajar UiTM Shah Alam. Program dan aktiviti sebegini **dipantau** melalui laporan aktiviti. Selain itu, mensyuarat unit, bahagian dan pengurusan atasan seperti mesyuarat ahli jawatankuasa program, mesyuarat dan mesyuarat staf akademik yang diadakan pada awal setiap semester, dilaksanakan sebagai langkah **penambahbaikan**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_O01_OB03_20251_APB_AKNC2024_K6_6.3.1.pdf](#)
2. [F0048_O01_OB03_20252_APB_AKNC2024_K6_6.3.2.pdf](#)
3. [F0048_O01_OB03_20253_APB_AKNC2024_K6_6.3.3.pdf](#)
4. [F0048_O01_OB03_20254_APB_AKNC2024_K6_6.3.4.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pihak pengurusan APB sentiasa memastikan setiap program dan aktiviti akademik dan pengantarabangsaan, kesejahteraan dan kebajikan pelajar, serta tanggungjawab sosial dan komuniti disemak dan dipantau dengan teliti untuk memastikan pelaksanaannya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Ini sangat penting bagi memastikan operasi yang dijalankan memberikan hasil yang memberi impak kepada universiti, komuniti setempat dan industri luar. Hasil pemantauan digunakan untuk kaji semula pengurusan bagi memastikan masalah sama tidak berulang.

Pemantauan program dan aktiviti kesejahteraan dan kebajikan pelajar dan tanggungjawab sosial dan komuniti dilakukan melalui hasil daripada **laporan aktiviti** yang disediakan oleh ahli jawatankuasa program selepas sesuatu program dilaksanakan. Selain itu, **pegawai BHEP** juga melaksanakan pemantauan dengan menghadiri program-program akademik dan pengantarabangsaan, kesejahteraan dan kebajikan pelajar, serta tanggungjawab sosial dan komuniti. **Penasihat dan ketua program** juga memainkan peranan dalam memantau sebelum, semasa, dan selepas pelaksanaan program dan aktiviti. **Maklum balas yang diberikan oleh peserta** program dan aktiviti juga diambil kira dalam memantau hasil program dan aktiviti (Bukti 6.4.1.1).

Pemantauan kecemerlangan akademik dan pengantarabangsaan pelajar merangkumi aspek pelaporan aktiviti, pelaporan pencapaian dan pelaporan proses penambahbaikan yang diambil. Semua aktiviti yang menyokong pencapaian akademik pelajar diwajibkan untuk menghantar laporan aktiviti (Bukti 6.4.1.2). Di samping itu, prestasi akademik pelajar dipantau melalui pelaporan di dalam **mesyuarat-mesyuarat** pengurusan seperti mesyuarat peringkat program, Mesyuarat Pengurusan Akademik, dan Mesyuarat Staf Akademik (Bukti 6.4.1.3).

SENARAI BUKTI:

1. [F0048_O01_OB04_OC01_20251_APB_AKNC2024_K6_6.4.1.1.pdf](#)
2. [F0048_O01_OB04_OC01_20252_APB_AKNC2024_K6_6.4.1.2.pdf](#)
3. [F0048_O01_OB04_OC01_20253_APB_AKNC2024_K6_6.4.1.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

APB mementingkan pengurusan risiko untuk melaksanakan proses operasi BT dalam usaha untuk mencapai objektif strategi yang telah ditetapkan. Ini kerana, tanpa pemantauan yang mencukupi, risiko-risiko ini berpotensi untuk menggagalkan atau mendatangkan insiden yang tidak diingini. Justeru itu, **Unit Pengurusan Risiko APB** ditubuhkan dibawah penyeliaan Bahagian Pentadbiran APB. Unit ini bertujuan untuk mengenalpasti, mendaftar dan memantau segala risiko yang berkaitan dengan proses utama APB. (Bukti 6.4.2.1)

Proses pengurusan risiko ini adalah berdasarkan **Modul Strategic Action Plan** dibawah Pelan Strategik UiTM2025. Modul ini memudahkan APB untuk merekod dan mendaftar risiko dan pelan mitigasi operasi-operasi yang dijalankan. Ia juga membolehkan APB untuk memantau status dan tahap risiko operasi bagi tujuan analisis dan pelaporan.

Proses bermula dengan mengenalpasti dahulu risiko-risiko yang bermungkinan akan berlaku sebelum, semasa atau selepas perancangan operasi bermula. Risiko-risiko tersebut kemudiannya dianalisis berdasarkan kebarangkalian ia boleh berlaku (**Likelihood of Occurance**) dan tahap impak akibat darinya (**Magnitude of Impact**). Setelah itu, risiko-risiko tersebut akan dikategorikan mengikut 4 tahap iaitu Rendah, Sederhana, Tinggi dan Sangat Tinggi. Langkah kawalan bagi mencegah terjadinya insiden juga dirancang. Kesemua data mengenai risiko tersebut didaftarkan ke sistem e-RMS. Pihak bertanggungjawab juga akan memantau sepanjang proses operasi bagi mengenalpasti risiko yang akan terjadi dan merancang langkah kawalan tambahan. (Bukti 6.4.2.2)

Pelaksanaan aktiviti-aktiviti mengikut operasi yang dirancang boleh terdedah kepada risiko kegagalan. Contoh seperti kemungkinan berlakunya insiden kecederaan pelajar ketika menjalankan aktiviti yang dianjurkan. Risiko seperti ini akan dikenalpasti dan didaftarkan ke sistem e-RMS. Risiko yang dinyatakan dikategorikan sebagai Sederhana kerana mempunyai impak kepada keberkesanan sesuatu program kesukarelawan. Justeru itu, beberapa langkah kawalan bagi memastikan agar risiko tersebut dalam keadaan terkawal akan dirancang. Selain itu, contoh risiko lain seperti risiko kegagalan akibat dari kekurangan pencapaian GOT yang disasarkan oleh APB, kekangan kewangan dan sambutan pelajar dalam sesuatu aktiviti dan sebagainya (Bukti 6.4.2.3)

Risiko **Hasil Pelaksanaan Strategi, Hasil Tumpuan Sumber Manusia dan Hasil Operasi** wajib dikenalpasti agar dapat mengelakkan ia menjadi punca kegagalan dalam mencapai hasil utama tersebut. Maka, risiko-risiko ini sentiasa dipantau melalui pelaporan dan mesyuarat bersama unit pengurusan dan pihak pentadbiran.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_O01_OB04_OC02_20251_APB_AKNC2024_K6_6.4.2.1.pdf](#)
2. [F0048_O01_OB04_OC02_20252_APB_AKNC2024_K6_6.4.2.2.pdf](#)
3. [F0048_O01_OB04_OC02_20253_APB_AKNC2024_K6_6.4.2.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

APB sentiasa memastikan operasi BT berupaya mencapai objektif strategi yang ditetapkan. Ini dilaksanakan melalui kajian semula operasi secara berkala. Pengurusan APB mengadakan bengkel untuk mengkaji semula proses dan hasil tumpuan operasi. Pihak pengurusan APB juga membincangkan pencapaian objektif kualiti, prestasi proses dan perancangan penambahbaikan. Dokumentasi refleksi dibuat untuk setiap program atau aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun. Data-data daripada dokumentasi refleksi termasuk laporan program dan analisa program, menjadi rujukan untuk perancangan penambahbaikan berterusan.

Dalam laporan program, masalah dikenal pasti dan proses penambahbaikan dicadangkan oleh pihak pengurusan dan ahli jawatankuasa. Contohnya, bagi program Mahabbah Ramadan, untuk mengatasi masalah dalam menarik jumlah peserta yang mencukupi untuk menyertai program, cadangan penambahbaikan adalah dengan melanjutkan tempoh pendaftaran program (Bukti 6.4.3.1). Bagi program Career Talk: Professional Insight for Future Endeavours, untuk mengatasi masalah kurang sambutan, cadangan penambahbaikan adalah dengan menukar mod program kepada secara bersemuka (Bukti 6.4.3.2). Bagi program APPLES Affinity Forum, untuk masalah teknikal dan protokol yang berlaku, cadangan dibuat untuk penambahbaikan adalah dengan menekankan tanggungjawab biro teknikal dan memperkukuhkan komunikasi antara pengacara majlis dan pengurus pentas (Bukti 6.4.3.3). Akhir sekali, bagi program Pemantapan Destini Siswa Mac 2024, untuk mengatasi masalah teknikal dan atur cara majlis yang berlaku, penekanan kepada peranan biro teknikal dan biro program telah dinyatakan (Bukti 6.4.3.4).

Analisa program dibuat selepas program berakhir, di mana peserta kongsi pendapat dan cadangan mereka. Contohnya, menggunakan platform media sosial untuk membuat promosi program serta menarik minat lebih ramai mahasiswa untuk menyertai program. Selain itu, mempersiapkan jumlah sukarelawan yang mencukupi bagi memudahkan pengurusan serta pelaksanaan program. Untuk memastikan kelancaran komunikasi dan pengurusan maklumat semasa kelangsungan program, adalah penting untuk menubuhkan Biro Program dan Protokol yang bertanggungjawab secara khusus dalam penyampaian maklumat kepada peserta. Menambahkan bilangan biro teknikal bagi memastikan program lebih lancar serta dapat meminimalkan kemungkinan masalah yang berlaku pada hari kejadian.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_O01_OB04_OC03_20251_APB_AKNC2024_K6_6.4.3.1.pdf](#)
2. [F0048_O01_OB04_OC03_20252_APB_AKNC2024_K6_6.4.3.2.pdf](#)
3. [F0048_O01_OB04_OC03_20253_APB_AKNC2024_K6_6.4.3.3.pdf](#)
4. [F0048_O01_OB04_OC03_20254_APB_AKNC2024_K6_6.4.3.4.pdf](#)
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi tujuan **Integrasi**, APB memastikan pembentukan pelajar tidak hanya mencakup aspek akademik, tetapi juga meliputi pengembangan holistik dalam berbagai dimensi kehidupan, termasuk bidang kepemimpinan, kesukarelawanan, keusahawanan, dan kesedaran terhadap isu-isu global serta kelestarian alam. Tujuan ini adalah dengan harapan pelajar akan menimba dan menggunakan ilmu yang diperoleh dari program-program yang dirancang dalam pembangunan diri masing-masing secara berterusan di dalam dan di luar universiti. Ini boleh dilihat dari perubahan dari segi tingkah laku, ilmu pengetahuan dan nilai murni yang ditonjolkan oleh para pelajar.

Bagi mengenali kebersanan integrasi program-program yang telah dirancang, pihak APB telah menjalajah kaji selidik dalam kalangan pelajar yang menyertai program-program yang telah dinyatakan dihujuan atau selepas program dijalankan. Tujuan kaji selidik tersebut bertujuan untuk mengetahui kelancaran program yang dijalankan serta kebersanan program tersebut dalam menerap ilmu yang ingin disampaikan ke para pelajar. Dari kaji selidik tersebut, adalah didapati bahawa terdapat kesan positif di dalam diri pelajar sejajar dengan objektif program yang ditetapkan.

Contohnya, bagi program APPLES Affinity Forum, para pelajar telah menonjolkan sifat kepimpinan dan semangat kerja berpasukan dalam diri masing-masing (Bukti 6.5.1). Mereka juga dapat mempraktikkan ilmu kepimpinan yang baharu apabila menjalankan tugas. Bagi program Pemantapan Destini Siswa Mac 2024 pula, para pelajar telah menyatakan bahawa isi kandungan program tersebut telah membantu memperluaskan ilmu pengetahuan dari pelbagai segi seperti pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan, etika dan moral professional, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan serta kemahiran kepimpinan (Bukti 6.5.2). Penilaian yang serupa juga didapati apabila pihak APB mengkaji selidik para pelajar bagi program Mahabbah Ramadan dimana para pelajar menyatakan peningkatan ilmu dalam faktor yang sama dari segi rohani (Bukti 6.5.3). Akhir sekali, bagi program Projek Starlight Stories, hasil kaji selidik mendapati bahawa peserta yang terdiri daripada kalangan pelajar UiTM, pelajar istimewa dan guru-guru telah mengalamai perubahan yang ketara selepas program dijalankan. Ini termasuk dari segi peningkatan kemahiran sosial pelajar, pengukuhan sokongan komuniti, dan platform advokasi dan kesedaran (Bukti 6.5.4).

Justeru itu, berdasarkan hasil kaji selidik berikut, pihak APB merasakan bahawa integrasi ilmu-ilmu yang ingin disampaikan melalui program-program tersebut adalah selaras dengan objektif program yang telah dirancang. Secara tidak langsung, boleh dikatakan bahawa proses integrasi program-program tersebut amat berkesan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0048_O01_OB05_20251_APB_AKNC2024_K6_6.5.1.pdf](#)
2. [F0048_O01_OB05_20252_APB_AKNC2024_K6_6.5.2.pdf](#)
3. [F0048_O01_OB05_20253_APB_AKNC2024_K6_6.5.3.pdf](#)
4. [F0048_O01_OB05_20254_APB_AKNC2024_K6_6.5.4.pdf](#)
- 5.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL TUMPUAN SUMBER MANUSIA (KESEJAHTERAAN DAN KEBAJIKAN PELAJAR)

- PROGRAM PEMBANGUNAN PELAJAR
- PROGRAM KERJAYA PELAJAR
- PROGRAM INOVASI PELAJAR
- PROGRAM KEUSAHAWANAN PELAJAR

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM terus menunjukkan pencapaian cemerlang dalam pelaksanaan program inovasi pelajar yang berimpak tinggi dan berdaya saing global. Melalui inisiatif seperti **#APB-Siswa Youthful & Empowering**, dua program SULAM berjaya dilaksanakan pada tahun 2024, iaitu *Program Tahbibul Lughah* di Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 18, Shah Alam dan *Perkongsian Ilmu, Silang Bahasa & Kerja Amal* di Universitas Mataram, Indonesia. Kedua-dua program ini bukan sahaja memperkukuh kemahiran insaniah pelajar, malah menyumbang kepada pencapaian **PI027: Memupuk kesukarelawanan antarabangsa serta kolaborasi bersama industri dan komuniti**.

Selain itu, penyertaan APB dalam **International Student Invention Innovation Development Exhibition Competition (ISIIDEDEC) 2024** membuktikan tahap keupayaan pelajar dalam inovasi dan kreativiti. Empat kumpulan yang dihantar berjaya meraih dua pingat emas dan dua pingat perak, sekali gus memperkukuh kedudukan APB sebagai pusat kecemerlangan inovasi berasaskan bahasa dan komunikasi. Pencapaian ini turut selari dengan agenda **SDG4 (Kualiti Pendidikan)**, **SDG17 (Kerjasama Global)** serta mendukung aspirasi **GMP (Turning Globally Marketable Student)** dan **RMK-12** dalam melahirkan graduan berdaya saing.

Dari sudut **perbandingan**, program inovasi pelajar di institusi lain seperti UNISEL (Karnival Usahawan Muda) menunjukkan bahawa program APB lebih holistik. Program di institusi lain cenderung kepada pameran atau latihan teknikal berskala kecil, manakala APB mengintegrasikan aspek **akademik, praktikal, digital entrepreneurship dan jaringan industri-antarabangsa**, sekaligus meletakkan APB pada tahap lebih tinggi dari segi impak, skop dan keterlihatan global.

Secara keseluruhannya, trend pencapaian APB memperlihatkan kematangan dalam melaksanakan inovasi pelajar yang bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan akademik dan kemahiran pelajar, tetapi juga mengukuhkan reputasi UiTM sebagai peneraju dalam memperkasa mahasiswa berinovasi, berdaya saing serta seiring dengan agenda pembangunan negara dan antarabangsa.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0048_HB02_20251_H1_F0048_HB02_20251_7.1.2 TAHAP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0048_HB03_20252_H1_F0048_HB03_20252_7.1.3 TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0048_HB04_20253_H1_F0048_HB04_20253_7.1.4 PERBANDINGAN.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0048_HB05_20254_H1_F0048_HB05_20254_7.1.5 KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL OPERASI (TANGGUNGJAWAB SOSIAL DAN KOMUNITI)

-HASIL KESUKARELAWANAN

-HASIL KOMUNITI

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil utama dalam aspek pengurusan dan pembangunan pelajar menzahirkan komitmen terhadap **tanggungjawab sosial serta penglibatan komuniti**. Pencapaian melalui program kesukarelawan dan program komuniti membuktikan keupayaan APB UiTM Shah Alam dalam melaksanakan strategi pembangunan pelajar yang lestari dan berimpak tinggi. Inisiatif ini selaras dengan visi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk memperkasakan mahasiswa sebagai graduan holistik, seimbang dari segi ilmu dan kemahiran, serta berakhlak mulia dan berdaya saing di peringkat global.

Melalui pelaksanaan **Program Semarak Siswi Madani**, mahasiswa bukan sahaja diberi peluang untuk membina kemahiran insaniah, kepimpinan, dan semangat kesukarelawan, malah diasuh menjadi agen perubahan sosial yang mampu menangani isu masyarakat setempat dengan penuh keprihatinan. Kejayaan program ini menegaskan bahawa kepimpinan APB UiTM Shah Alam mempunyai hala tuju yang jelas dan mapan dalam memperkukuh kualiti pengurusan pelajar, seterusnya menyumbang kepada pencapaian aspirasi nasional dalam membudayakan kecemerlangan, kebertanggungjawaban sosial, dan kesejahteraan komuniti.

Inisiatif **#APB-SISWA BAKTI** telah menjadi pemangkin utama dalam membudayakan kesukarelawan mahasiswa. Usaha ini bertujuan melahirkan mahasiswa yang berempati dan bertanggungjawab sosial, di samping memperkukuh hubungan institusi dengan komuniti. Aktiviti yang dijalankan merentasi pelbagai peringkat bermula dari peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa, sekali gus mencerminkan keberkesanan program ini dalam mendukung aspirasi KPT dalam merealisasikan misi memperkasakan peranan mahasiswa sebagai pembawa misi perubahan masyarakat.

Inisiatif **#APB-SISWA LOKALITI** memfokuskan kepada penglibatan pelajar dalam program komuniti yang memberi manfaat langsung kepada masyarakat setempat. Usaha ini menegaskan peranan universiti sebagai penyumbang kepada pembangunan sosial, di samping membentuk sahsiah, jati diri, dan semangat kemasyarakatan mahasiswa. Melalui program ini, pelajar dilatih untuk berfikir kritis, matang, dan berdikari, sekali gus memperkukuh peranan mereka sebagai agen perubahan yang berimpak kepada komuniti.

Pencapaian utama dalam program kesukarelawan dan komuniti telah dilaksanakan dengan cemerlang dan berkesan, hasil daripada proses operasi yang sistematik dan terancang. Semua pencapaian berjaya melepasi sasaran awal yang ditetapkan, sekaligus memenuhi KPI Universiti iaitu **P1027, P1028 dan P1038**, serta mengukuhkan kedudukan APB UiTM Shah Alam di peringkat fakulti hingga antarabangsa.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0048_HB02_20251_F0048_K7_20252_Tahap_Hasil_2.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0048_HB03_20252_F0048_K7_20252_Tren Hasil 2.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0048_HB04_20253_F0048_K7_20252_Perbandingan Hasil 2.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0048_HB05_20254_F0048_K7_20252_Kepentingan Hasil 2.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

7.1 HASIL PELAKSANAAN STRATEGI (AKADEMIK DAN PENGANTARABANGSAAN)

1. Hasil Program Pengantarabangsaan Pelajar
2. Hasil Program Kepimpinan Pelajar
3. Hasil Program Kemahiran Insaniah

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil utama dalam aspek **pengantarabangsaan, kepimpinan pelajar, dan kemahiran insaniah** menzahirkan komitmen APB UiTM Shah Alam dalam melahirkan mahasiswa yang holistik, seimbang, dan berdaya saing global. Pencapaian ini membuktikan keupayaan fakulti dalam merangka strategi pembangunan pelajar yang berimpak tinggi serta menyokong aspirasi **Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)** melalui dasar **Graduan Holistik, Seimbang dan Global**.

Inisiatif **#APB-SISWA GLOBALI** telah membuka ruang kepada pelajar untuk menyertai program antarabangsa seperti **SULAM Lombok, International University Debate Championship (Qatar)**, dan **i-SIIDEC**, yang meningkatkan keterampilan komunikasi global, jaringan antarabangsa, dan keterdedahan silang budaya. Usaha ini selaras dengan **SDG 4: Pendidikan Berkualiti** dan mengangkat imej APB UiTM Shah Alam di persada antarabangsa.

Melalui **#APB-SISWADIWARA**, pelajar dilatih mengasah bakat kepimpinan melalui program seperti **APPLES Affinity Forum, IYM Camp: Inspire Young Minds**, dan **Tahbibul-Lughah**. Inisiatif ini melahirkan mahasiswa yang berkeyakinan, berdaya kepimpinan, dan mampu berfungsi sebagai pemimpin global. Pencapaian ini mendukung hala tuju KPT untuk menghasilkan graduan berwibawa dan kompetitif.

Seterusnya, program kemahiran insaniah di bawah **#APB-BAKAT SISWA** memperkukuh pembangunan sahsiah, kreativiti, dan profesionalisme mahasiswa. Program seperti **Bengkel Pemantapan Pengacaraan Majlis, Wacana Warisan Kata**, serta **KPT PACE Professional Certification** memberi nilai tambah dari segi kebolehpasaran dan kesiapsiagaan graduan menghadapi dunia pekerjaan.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan tiga strategi utama ini dengan cemerlang telah membuktikan keupayaan APB UiTM Shah Alam dalam pelaksanaan strategi yang jitu dalam memperkukuh reputasi fakulti, memenuhi KPI universiti, serta menjadikan APB sebagai model kecemerlangan pembangunan pelajar di peringkat nasional dan antarabangsa, seterusnya dapat memenuhi indeks prestasi PI027, PI029, PI031, PI032 dan PI038.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0048_HB02_20251_7.3.2 TAHAP.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0048_HB03_20252_7.3.3 TREN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0048_HB04_20253_7.3.4 PERBANDINGAN.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0048_HB05_20254_7.3.5 KEPENTINGAN.pdf](#)